

"PERISTIWA Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kita ingati lagi. Ia telah berlaku sejak 1424 tahun yang lampau. Namun semangatnya tetap saja baru, tidak pernah dikaburi oleh zaman."

- Titah di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1425. Pada 1 Muharam 1425 / 22 Februari 2004.

Pelita Brunei

BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



'DAN janganlah kamu makan atau mengambil harta orang-orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan atau mengambil sebahagian dari harta manusia dengan berbuat dosa, padahal kamu mengetahui salahnya.'

DPMM beraksi di Sukan SEA Laos

Oleh : Samle Haji Jait
Foto : Masri Osman

an kedua dalam pasukan kebangsaan dan juga selaku naib juara kejohanan peringkat kebangsaan Laos.

Perlawanan Biliard dan Snuker Kategori 'Men's 9-Ball Single' telah disertai oleh 16 peserta yang mewakili kontinen Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Laos, Malaysia, Filipina, Republik Singapura, Thailand dan Viet Nam.

Keberangkatan tiba, DYTM dan Yang Teramat Mulia di Dewan Persidangan Don Chan Palace Hotel dijunjung oleh Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Laos, Tuan Yang Terutama Pengiran Kasimirhan bin Pengiran Haji Mohd. Tahir; Ketua Kontinen Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Mohd. Zamri bin Dato Paduka Haji Hamdani dan Presiden Persekutuan Biliard dan Snuker ASIAN (ACBS), Sindhu Pulsivong.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat bagi menyertai perlawanan pusingan kelayakan acara Biliard dan Snuker Kategori 'Men's 9-Ball Single' di Temasya Sukan SEA Ke-25 Laos. (Berita lanjut dan gambar-gambar sekitar SukanSEA Ke-25 Laos dimuatkan dalam Keluaran Khas empat muka surat.)

Pameran Foto Penerangan Brunei - Malaysia

Membarigakan maklumat kedua negara berjiran

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

RIMBA, Selasa, 15 Disember. - Bagi memberi pendekaran akan bentuk dan bidang kerjasama serta aktiviti-aktiviti penerangan dan penyiaran antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia, Pameran Foto Penerangan antara kedua-dua buah negara telah diadakan.

Pameran Foto Penerangan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia itu dirasmikan oleh Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejor Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud yang berlangsung di Giant Hypermarket, di sini.

Ketika berucap di majlis itu Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin

Muhammad Melayong berharap pameran seumpama ini akan dapat memberikan manfaat kepada kedua belah pihak khususnya dalam memberikan maklumat mengenai Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Beliau juga berharap dengan adanya pameran sedemikian akan dapat mengeratkan dan meningkatkan lagi hubungan silaturahim yang sudah sekian lama terjalin antara kedua-dua buah negara.

Di samping itu katanya, pameran itu juga akan dapat mewujudkan lagi sikap hormat-menghormati antara anggota ASEAN selaras dengan slogan ASEAN satu visi, satu komuniti, satu identiti.



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejor Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad semasa menyaksikan Pameran Foto Penerangan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia 2009 yang berlangsung di Giant Hypermarket. - Foto : Azmah Haji Ahad.

PAMERAN itu juga akan dapat mewujudkan lagi sikap hormat-menghormati antara anggota ASEAN selaras dengan slogan ASEAN satu visi, satu komuniti, satu identiti.

Lihat muka 24

Emas melalui acara silat

VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO, Ahad, 13 Disember. - Pesilat negara Haji Md. Khairul Bahrin Haji Duraman mengukir sejarah di Sukan SEA Ke-25 apabila meraih pingat emas negara pertama acara Pencak Silat Kategori Tunggal Lelaki dengan kiraan mata 472.

Perak milik pesilat Thailand, Sarawut Comepon dengan 447 mata dan gangsa dipegang pesilat Lao, Youthsinh Phout Thalaksa yang mengumpul 432 mata, hanya tiga peserta mengambil bahagian.

Sementara itu, malang bagi pesilat Tunggal Wanita, Norleyermah Haji Raya yang hanya mengumpul 419 mata sambil menduduki tempat keenam dari tujuh peserta.

Emas acara ini milik pesilat Republik Singapura, Rabiatul Adawayah Yuak (471 mata), perak Viet Nam, Vu Thi Thao (453 mata) dan gangsa diraih pesilat Indonesia, Nih Lu Pu Spy-anawati (442 mata).

Sedikit terjadi kontroversi apabila ketua hakim membuat keputusan dengan menyebutkan pesilat Brunei mengutip 490 mata namun mengubahnya di saat akhir dengan menyebutkan pesilat



Republik Singapura pemenang emas.

Keadaan jadi kelam-kabut seketika setelah pengurusan pasukan dan jurulatih Tunggal membantah kesilapan cakap ketua hakim kerana mata sudah dipamerkan pada papan markah dan mengubahnya kembali kepada 419 mata bagi Norleyermah.

Namun situasi tenang semula setelah pengiraan dibuat semula dan hakim-hakim lain campur tangan bagi mengawal keadaan.

Acara akhir Tunggal dilangsungkan di Dewan 3 Bangunan Lao ITECC di sini yang dihadiri oleh Chief de Mission Brunei Darussalam, Awang Haji Mohd. Zamri bin Dato Paduka Haji Hamdani yang juga mengalungkan pingat kepada para pemenang.



16 DISEMBER 2009 BERSAMAAN 1430 28 ذوالحجـة

MEMBINA SEBUAH NEGARA SEJAHTERA

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Forum Demokrasi Bali II yang berlangsung di Bali, Republik Indonesia pada 10 Disember 2009 telah menekankan dengan lantang bahawa Negara Brunei Darussalam mempunyai maruah tinggi dalam sejarah, tradisi dan kehidupan. Warisan yang telah dipancarkan oleh pemimpin-pemimpin terdahulu sehingga menjadi anutan yang telah melakar pelbagai kejayaan gilang-gemilang bagi negara ini. Baginda yakin, sejarah tetap sejarah ianya tidak akan dapat diubah. Begitu juga masa depan akan tetap sama, cuma masa sahaja yang akan dapat mengubah rentak semua perjalanan itu.

Sehingga kini, bumi Darussalam terus saja gah di persada antarabangsa. Melakar pelbagai kemajuan yang mencakupi semua bidang merapusi pendidikan, penjagaan kesihatan, keselamatan makanan, kepelbagaian ekonomi, pembangunan sosial serta seribu satu macam pembangunan. Pendek kata, Brunei memiliki segala-galanya seperti apa yang dimiliki oleh masyarakat global lain. Kita tidak pernah ketinggalan dalam mengejar kemajuan. Apa saja kemajuan yang diraih oleh orang lain, kita juga akan turut sama menikmatinya. Rakyat dan penduduk negara ini amat beruntung serta bertuah bernegarakan Negara Brunei Darussalam. Semua nikmat kebahagiaan dan kesejahteraan dikehendaki oleh segenap lapisan rakyat tanpa mengira warna kulit dan puak. Semuanya ampit. Besar damit ampit dari kanak-kanak membawa dewasa dan sehingga ke warga emas. Semuanya dipeduli dan diberi perhatian saksama tanpa adanya diskriminasi, pilih kasih dan 'pilih bulu'.

Begitulah asas-asas kepada nilai-nilai politik yang Brunei senangi sejak dahulu sehingga masa kini. Negara Brunei Darussalam mempunyai kontrak sosial yang paling ideal di mana kepimpinan raja yang menjadi tumpuan pemerintahan negara ini, mengagihkan hasil mahsul negara secara menyeluruh dan tidak ada yang ketinggalan. Ini dapat dilihat di mana kontrak sosial utama seperti pendidikan, dan kesihatan diberikan secara percuma kepada seluruh rakyat. Begitu juga rakyat yang tidak mempunyai tanah diberikan rumah melalui Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati dan Skim Perumahan Negara. Inilah komitmen kerajaan sampai sekarang yang sentiasa membahagikan rakyatnya.

Kesemua pola kegemilangan kemajuan dan pembangunan dapat digarap dengan adanya kepercayaan dan keyakinan rakyat kepada kepimpinan baginda. Selain perpaduan yang sentiasa kukuh dalam ikatan simpulan yang teguh di antara kerajaan dan rakyat dan rakyat dengan kerajaan. Tanpa adanya elemen - kepercayaan dan keyakinan yang merupakan teras utama yang sangat signifikan dengan nilai-nilai yang paling dihargai dan disayangi bukan dalam bentuk ancaman bagi membina dan membentuk apa jua kehidupan yang lebih bererti. Bila wujudnya perpaduan rakyat ditambah lagi dengan keyakinan dan kepercayaan terhadap para pemimpin, maka akan membolehkan sesebuah kerajaan itu berfungsi dengan baik dan komited dalam merealisasikan matlamat pembangunan. Maka kita melihat demokrasi dan pembangunan adalah tidak boleh dipisahkan kerana kedua-duanya berkait rapat dan memerlukan di antara satu sama lain, saling berantungan.

Begitulah Brunei yang sudah serasi dengan pemerintahan tradisi yang mengamalkan sistem beraja sejak 600 tahun yang lalu, tetapi maju ke hadapan dalam segenap bidang dan arena pembangunan. Setelah mencapai kemerdekaan dan kedaulatan pada 1 Januari 1984, Negara Brunei Darussalam terus menghayun dengan rancak membina sebuah negara yang setanding dengan negara-negara maju. Kita diiktiraf oleh dunia, malah pemimpin dunia mengiktiraf kepimpinan raja kita yang telah berhasil membawa keamanan, kesejahteraan dan keselamatan kepada segala isi di dalamnya. Semua rakyat bebas 'berterbangan' ke sana ke mari di seluruh pelusuk tanah air tanpa adanya sebarang gangguan dan ketakutan. Rakyat berbilang kaum hidup aman damai dan selesa tanpa sebarang curiga dan mencurigai. Pendek kata rakyat menerima semua bentuk kesejahteraan di mana kerajaan tidak menuntut dan mengharapkan sesuatu balasan. Apa yang kerajaan harapkan ialah kepercayaan dan keyakinan selain perpaduan sejati di kalangan lapisan rakyat dan penduduk. Ini bersandarkan kepada titah baginda semasa berangkat melawat Kampung Rataie dan Kampung Labu Estate, Daerah Temburong pada 7 Februari 1991. Antara lain baginda menekankan:

"Beta perlu tegaskan di sini bahawa apa jua rancangan atau projek yang telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah se-mata-mata merupakan tanggungjawab yang perlu ditunaikan untuk memberikan kesenangan dan kesejahteraan kepada rakyat dan penduduk. Kerajaan tidak mengharapkan apa-apa daripada rakyat dalam perkara ini tetapi kerajaan tahu bahawa rakyat sangat-sangat bergantung dan berharap kepada kerajaan, insya-Allah kerajaan beta akan sentiasa berbuat apa saja yang perlu dan munasabah dari masa ke semasa."

Warisan tradisi kehidupan dengan nilai-nilai yang amat berharga bertunjangan Melayu Islam Beraja yang akan tetap dipelihara dan akan diwaris kepada generasi akan datang yang bakal mewarisi sejarah dan menentukan untung nasib negara di masa depan. Pokok pangkalnya generasi muda belia Brunei tidak akan mudah terpengaruh dengan idea-idea baru dan nilai-nilai baru yang tidak secocok dengan kehidupan orang-orang Brunei yang masih palikat dengan ciri-ciri ke-bruneian yang tulen bersendikan ajaran-ajaran Islam. - **Ketua Bahagian PELITA BRUNEI.**

Brunei punyai maruah tinggi, dalam sejarah dan tradisi

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir

Rahim

ALHAMDULILLAHI Rabbil'alameen, Wabihhee Nasta'eenu 'Alaa Umriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Murseen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tenerima kasih, tuan presiden, di atas undangan untuk turut serta sekali lagi dengan anda tahun ini.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), kami sangat menghargai penghormatan terhadap negara kita dan ia merupakan satu penghargaan dan kesenangan untuk berada di Bali sekali lagi.

Izinkan beta menambah salam alu-aluan beta kepada pengurus bersama, Perdana Menteri Hatoyama dan melahirkan penghargaan beta di atas sumbang besar Jepun terhadap hubungan persahabatan dan muhibah seluruh rantaun kita.

Forum ini hanya beriusia setahun jagung. Tetapi beta pasti ia merupakan permu-laan bagi menawarkan sesuatu yang sangat istimewa dalam hal ehwal serantau dan antarabangsa. Perhimpunan kita di sini sangat istimewa. Sebagaimana yang anda katakan tahun lepas, tuan presiden, kita mempunyai peluang untuk bersatu bagi pihak rakyat kita bukan untuk berbahas, berbincang ataupun berunding tetapi untuk bersatu bagi pihak rakyat kita dan pengalaman kita selaku rakan dalam dunia yang dikongsi bersama. Dalam semangat ini, beta merakamkan terima kasih kepada semua rakan dari dalam dan luar rantaun ini. Kehadiran mereka memberi inspirasi kepada kita. Ungkapan dan pemikiran mereka menyatakan kita semua dalam tujuan yang sama.

Dalam menghadapi semua ini, kita yakin bahawa generasi kepimpinan kita di semua peringkat mem-

tem kerajaan yang berbeza. Ini adalah hasil dari pelbagai perkara. Terdapat sejarah dan geografi struktur kita dan pengaruh pelbagai acara dan dorongan dari luar rantau kita. Terdapat struktur masyarakat kita. Dan yang paling penting, terdapat adat, kepercayaan dan tradisi kita. Semua ini, setentunya, telah jelas dihuraikan oleh para ahli sejarah, saintis, politik dan ahli ekonomi. Tetapi, di penghujung semua ini, satu fakta mudah kekal. Apa sejarah telah jadikan kita.

Dalam perkara ini, usaha-usaha kita di NBD hari ini mengarahkan kita tidak jauh pada masa lampau dari yang segera semakin meningkat di masa kini. Kedua-dua tugas ini menarik dan membimbangkan. Menarik kerana masa depan cerah yang kita boleh wujudkan.

Ia adalah membimbangkan kerana terdapat juga cabaran-cabaran yang sama ada samar-samar. Mereka adalah 'gelap'. Mereka adalah samar-samar. Mereka merasa daripada diketahui. Mereka mencabar cara kehidupan tradisi kita, kehidupan beragama kita, kehidupan kemasayarakatan kita, hubungan sosial kita. Mereka dirasai oleh rakyat kita yang sering khawatir tentang kesan in-

punyai satu tanggungjawab yang utama. Ia adalah untuk memberikan rakyat kita keyakinan dan kepercayaan. Di sini, beta maksudkan dengan keyakinan adalah nilai-nilai yang paling dihargai dan disayangi bukan dalam bentuk ancaman. Keyakinan yang keseluruhan mereka membentuk keluarga mereka dan kehidupan masyarakat tidak akan hilang.

Keyakinan yang berterasan adalah hormat-menghormati, kestabilan sosial dan muhibah antara satu sama lain. Dan dengan kepercayaan, beta maksudkan adalah kerajaan mereka tidak akan membenarkan dunia moden menghancurkan semua ini dan percaya mereka akan bersedia, berpendidikan, dan bersiap siaga untuk menyaksikan globalisasi sebagai sesuatu untuk dipegang dan dialu-alukan.

Itu dengan luas melambangkan pendekatan-pendekatan kami ke NBD yang kita lihat wujud hari ini. Hanya sebagai dunia sekeliling kita berubah pada kemajuan yang menakjubkan, begitu juga masyarakat dan rakyat kita. Terdapat pengajaran dari ini, tuan presiden. Ia menjadi jelas hampir setiap hari. Ia memaklumi kami bahawa kita, diri kita, hendaklah



TIAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Forum Demokrasi Bali, Republik Indonesia pada 10 Disember 2009.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hafizatul Atikah Abdullah

abad ke-21, tuan presiden dan ia sering menjadi desakan yang serius. Kita mempunyai sasaran penting bagi peringkat penyataan serantau yang pernah terlintas untuk terjadi 20 tahun lepas. Kini perkara ini hanya tinggal lima tahun lagi.

Dan kami semakin menyedari bahawa ini adalah tanggungjawab segera kami. Sejarah tetap sejarah. Masa depan akan tetap sama. Hanya masa kini boleh diubah. Itu adalah apa yang kita hadapi kini. Nama-nama rasminya adalah 'pendidikan', 'penjagaan kesihatan', 'keselamatan makanan', 'kepelbagaian ekonomi', dan seterusnya. Tetapi, dalam semangat, kita yakin ia adalah asas kepada nilai-nilai politik yang kami amat senang untuk mengongsikan bersama di forum ini.

Jadi, sekali lagi beta melahirkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih, di atas layanan mesra yang telah diberikan oleh kerajaan dan rakyat anda. Terima kasih.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalaumu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

"DI Negara Brunei Darussalam, kami sangat menghargai penghormatan terhadap negara kita dan ia merupakan satu penghargaan dan kesenangan untuk berada di Bali sekali lagi."

ternet, televisyen dan pengaruh idea-idea baru dan pengaruh nilai-nilai baru. Ia boleh menjurus ke arah ketakutan terhadap keselamatan sama ada ia dari segi ekonomi, persendirian, kewangan mahupun persekitaran.

Dalam menghadapi semua ini, kita yakin bahawa generasi kepimpinan kita di semua peringkat mem-

jadi tenaga pengajar yang baik. Kita perlu de ngar dan juga mengajar. Kita perlu menilai dan menilai semula secara tetap.

Tuan presiden, ini menunjukkan mengapa hubungan serantau kita sangat penting kepada kita. Ia adalah pusat kepada usaha-usaha kita dalam menyusaikan dengan dunia baru

SIDANG PENGARANG

Ketua Penyuntingan

Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong,

Haji Jaafar Haji Ibrahim

Pemberitaan

Zabaidah Haji Salat,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omarall,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Siti Zuraiyah Awang Sulaiman

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Yahya Haji Putra,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanishah Awang Mahani,
Siti Noorzainah Haji Nooralli,
Amal Hazirah Haji Maidin,
Nur Hidayati Haji Haris

Penyuntingan

Haji Ahat Haji Ismail, Sahari Akim, Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,

Siti Muslihat Haji Salleh, Aliiddin Haji Moktal

Penyelaras dan Reka Letak

Samle Haji Jait, Norliah Md. Zain,

Hajah Musmariani Haji Mohammad,

Hafizatul Atikah Abdullah

Penterjemah

Hajah Raini Haji Bidin, Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail, Siti Rahmah Haji Abd. Hamid, Rosnah Jaludin, Jorrani Haji Zainal, Rudiana Mohd. Salleh, Md. Alisman Ismail, Muhd. Zaidani Haji Zirin, Nur Zafirah Md. Hussin

pelita.brunei@information.gov.bn

produksi.pb@information.gov.bn

iklan.pb@information.gov.bn

foto.pb@information.gov.bn

YTM rasmikan Pertemuan Sasterawan Nusantara XV

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 11 Disember. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Pertemuan Sasterawan Nusantara (PSN) XV (15) di Dewan Songket, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Atur cara majlis bermula dengan doa selamat oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Ketua I ASTERAWANI yang juga selaku Pengurus Bersama PSN XV, Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah menyembahkan ucapan alu-aluan yang antara lain menyatakan bahawa dalam menghasilkan karya, para sasterawan mestilah berpandangan positif, rasional, natural dan terus menerus memperindahkannya karya ciptaan mereka dengan nilai-nilai bangsa, agama dan identiti Nusantara.

Di majlis tersebut, Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan merasmikan PSN XV dan seterusnya menerima pesambahan dari Ketua I ASTERAWANI yang juga selaku Pengurus Bersama PSN XV.

Sebelum meninggalkan majlis, YTM kemudiannya bergambar ramai bersama-sama ahli-ahli PSN XV.

PSN merupakan pertemuan penulis, sasterawan, bahasawan dan peminat sastera Nusantara yang diadakan di Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura secara bergilir-gilir setiap dua tahun sekali.

Bagi Negara Brunei Darussalam, ASTERAWANI telah menjadi tuan rumah PSN sebanyak tiga kali iaitu pada tahun 1985, 1994 dan 2001. Dan PSN XV ini merupakan kali keempat Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah.

Tema PSN XV ialah 'Mencarukkan Kesusteraan Nusantara' dengan memfokuskan tokoh Muda Omar 'Ali Saifuddien dan tokoh-tokoh penulis Nusantara yang lainnya seperti Hamzah Fansuri dan Raja Ali Haji.

PSN pada kali ini dikendalikan oleh Angkatan Sasteraterawan dan Sasterawani Brunei (ASTERAWANI) dan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan bergambar kenangan bersama ahli-ahli PSN (atas) manakala gambar bawah kiri Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambahan yang disembahkan oleh Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Brahim dan gambar bawah kanan YTM ketika berangkat ke Majlis Pertemuan Sasterawan Nusantara XV.



Brunei punyai khazanah sastera

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Disember. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin berkenan berangkat ke Majlis Pertemuan Sasterawan Nusantara XV di Dewan Songket, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

"Kemunculan Brunei sebagai negara berdaulat dengan falsafah kenegaraannya yang berbeza daripada negara saudara-saudaranya seperti di Indonesia, Malaysia dan Singapura tentu sahaja akan memacu kebangkitan dalam banyak bidang kehidupan.

Kebangkitan di bidang sasteranya itu adalah wajar dalam konteks tersebut untuk mengetarkan entiti kesusteraan sesuai dengan kemunculan entiti politik kenegaraannya," jelasnya semasa membentangkan kertas kerja di Majlis Pertemuan Sasterawan Nusantara XV yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas, di sini.

Penakatan sastera Islam, tambah Yang Berhormat, setentunya tidak sepenuhnya sempurna namun ianya memepati lima objektif utama

syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta atau setidak-tidaknya ia tidak beranggah dengan objektif tersebut.

"Peneckatan Islam yang dibawakan oleh Al-Marhum (Muda Omar 'Ali Saifuddien) dalam semua karyanya selain dari konsep dan keyatannya serta dari segi faktor dan dari segi keunggulan karya menerusi beberapa unsur penting ialah keunikannya mengaplikasikan nilai dan ajaran Islam iaitu suatu realiti," jelasnya seterusnya.

"Kelainan yang merupakan keunikan Muda Omar 'Ali Saifuddien dan karyanya itulah Brunei telah menemukan Al-Marhum sebagai sasterawan yang ulung lalu mengangkatnya menjadi Tokoh Sasterawan Islam Nusantara," tambah Yang Berhormat.

Menurut yang Berhormat pengucapan berani dan berterus terang, menegur secara nasihat dan terbuka, hatta kepada dan di hadapan raja adalah suatu yang jarang terdapat dalam karya sasterawan lama, tetapi itulah yang unik dalam karya pengarang Syair Rakis.

Kesusasteraan mengandungi keindahan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Disember.

- Kesusteraan mengandungi keindahan yang dirasa oleh manusia sebagaimana manusia menikmati kecantikan yang diciptakan Allah Subhanahu Wa'tala.

Keindahan itu menurut Menteri Hal Ehwal Ugama adalah suatu keseimbangan yang mendatangkan keharuan yang tidak mempunyai sifat yang tetap kerana penilaian berbeza-beza. Ia juga mendukung kebenaran (hak) dihadai Allah.

Demikian pendapat



SEBAHAGIAN dari peserta yang hadir di Pertemuan Sasterawan Nusantara XV ketika mendengar ucaptama dari Menteri Hal Ehwal Ugama.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ramli Tengah

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain terhadap kesusteraan dan keindahan dalam ucaptamanya di Majlis Pertemuan Sasterawan Nusantara XV.

Sasterawan yang berkerjaya katanya sangat wajar menggunakan unsur-unsur keindahan, kebenaran dan nilai-nilai akhlak itu bagi mendukung, memperjuangkan, memelihara dan mem-

pertahankan 'kemuliaan insan' yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wa'tala.

Menurut Yang Berhormat, hasil-hasil karya itu semuanya menuju ke arah matlamat memperkuuhkan keimanan, ketakwaan dan amal soleh yang membimbing dan mendidik manusia supaya berpegang teguh kepada akhlak yang mulia, bersama-sama menegakkan ajar makruf dan nahi munkar.

Yang Berhormat seterusnya menambah ada empat perkara pokok mengenai sasterawan yang diredayai Allah iaitu iman, amal soleh, mengingat Allah dengan banyaknya dalam setiap kerjanya (ihsan) dan tidak berlaku anjaya iaitu tidak menggunakan hasil karya mereka untuk berbuat anjaya.

Maka atas dasar itu, Menteri Hal Ehwal Ugama menegaskan, sebaik-baik sasterawan perlu menghasilkan karya mereka menuju ke arah mempertingkat, memperdekat dan memperkuat hubungan mereka sebagai makhluk dengan khaliq iaitu Allah



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin (Shukri Zain) ketika memberi ucaptama di Pertemuan Sasterawan Nusantara XV dengan tema 'Mancarkan Sastera Nusantara.'

bagi membersihkan diri dari segala macam maksiat dan dosa demi mencapai keredaan Allah.

"Begitu juga dengan visi, misi dan fungsi hidup yang mendukung kebaikan, memaknurkan dunia ini, berbuat kebajikan, menjauhi keburukan, sama-sama menegakkan kebenaran dan keadilan yang semuanya itu menanai 'kemuliaan insan' yang dikurniakan Allah kepada manusia," jelas Yang Berhormat di majlis yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka di sini.

PENGARAH PENERANGAN MENULIS ...**PEMERINTAHAN TRADISI MEWARNAI MASA DEPAN BRUNEI DARUSSALAM**

DALAM ruang yang terhad ini saya secara peribadi ingin berkongsi idea dan pandangan dengan pembaca khususnya penduduk dan rakyat Negara Brunei Darussalam yang mencintai agama, raja dan bangsanya dalam era globalisasi yang penuh dengan hambatan dan cabaran yang juga diselubungi dengan kesamaran dan keimbangan.

Rencana yang lahir dari hamba Allah yang berada di bawah peningkahan dalam starta sosial masyarakat kitan, ingin berbicara berdasarkan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam *Forum Demokrasi Bali Ke-2*, yang berlangsung di Denpasar, Bali Indonesia pada 10 Disember 2009.

Kandungan titah yang telah disampaikan dalam forum tersebut yang dihadiri oleh pemimpin-pemimpin dunia dan serantau telah menyuarakan akan pendirian dan hala tuju masa depan Negara Brunei Darussalam. Intipati titah ini perlu difahami dan diketahui oleh rakyat dan penduduk negara ini dalam menanai tanggungjawab mereka sebagai warga negara yang berpayung di bawah panji-panji baginda sultan untuk memperjuangkan pengekalan warisan tradisi bangsa Brunei yang menjadi asas kepada kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.

Dalam titah tersebut perkara yang utama yang telah disentuh oleh baginda mengenai negara keanggotaan ASEAN yang mempunyai sistem politik yang berlainan akibat daripada faktor sejarah, alam sekitar, pengaruh dari dalam serta luar negara. Antara lain titah baginda berbunyi:

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan suku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)."

Oleh itu setiap masyarakat antarabangsa setentunya maklum dan harus menerima hakikat ini berdasarkan kepada kenyataan sejarah kewujudan sistem sosiopolitik dan ekonomi negara masing-masing. Bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam memang telah menerima kenyataan sejarah yang telah mereka warisi sejak 600 tahun yang lalu di mana sehingga ke hari ini Ne-

toms, faiths and traditions. All these, of course, have been explained by historians, political scientists and economists. But, at the end of it all, one simple fact remains. We are what history has made us". (Terjemahan di muka 2)

Pada umumnya, maka masyarakat antarabangsa perlu memahami dan mempunyai sikap hormat-menghormati kedaulatan, sistem politik, pegangan hidup, tradisi dan warisan budaya setiap negara. Khususnya bagi anggota negara ASEAN perkara ini adalah selaras slogan ASEAN untuk mewujudkan masyarakat ASEAN dengan satu visi, satu komuniti dan satu identiti melalui sikap saling faham-memahami dan menghormati keseluruhan cara hidup dan nilai-nilai budaya yang terdapat dan diamalkan oleh setiap anggota negara ASEAN. Bagi kita Negara Brunei Darussalam perkara ini pada hakikatnya memang di fahami dan diketahui berdasarkan kepada cara hidup Melayu Islam Beraja sebagai mana firman Allah Subhanahu Wata'alay ayat 13 Surah Al Hujurat yang tafsir-Nya:

"It disturbing because there are also challenges that are neither clear nor bright. They are dark. They are dim. They are felt rather than known. They challenge our traditional way of life, our religious life, our family life, our community life, our social relations. They are felt by our people who often worry about the impact of the internet, the television and the influence of new ideas and news values. It can lead to fear for security, whether it be economic, personal financial, or environmental."

Bagi kita di Negara Brunei Darussalam adalah berkejajipan dan terus memperjuangkan warisan tradisi yang telah menjadi sumber kepada kestabilan politik, ekonomi dan sosial dalam masyarakat yang terdiri dari berlainan latar belakang, budaya dan agama. Apa yang jelas bagi kita di Negara Brunei Darussalam warisan tradisi yang kita terus amalkan dalam abad ke-21 ini tidak menghalang kepada pembangunan dan kemajuan dalam bidang ekonomi dan sosial yang bersesuaian dengan iklim kehidupan moden. Ianya adalah merupakan kesinambungan corak penghidupan Melayu Islam Beraja yang mempunyai nilai-nilai yang unggul dan murni yang diamalkan sejak dahulu lagi dan terbukti memberi keyakinan dan kepercayaan kepada rakyat dan penduduk negara untuk dipertegakkan bagi

BAGI kita di Negara Brunei Darussalam adalah berkejajipan dan terus memperjuangkan warisan tradisi yang telah menjadi sumber kepada kestabilan politik, ekonomi dan sosial dalam masyarakat yang terdiri dari berlainan latar belakang, budaya dan agama. Apa yang jelas bagi kita di Negara Brunei Darussalam warisan tradisi yang kita terus amalkan dalam abad ke-21 ini tidak menghalang kepada pembangunan dan kemajuan dalam bidang ekonomi dan sosial yang bersesuaian dengan iklim kehidupan moden.



PEMIMPIN yang sentiasa disayangi oleh rakyat ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mendampingi rakyat jelata untuk mengukuhkan lagi semangat saling hormat-menghormati serta sayang-menyaingi antara pemimpin dengan rakyat dalam mewujudkan satu kehidupan masyarakat yang harmoni yang berlandaskan kepada cara hidup Melayu Islam Beraja. Inilah yang dikatakan sebagai 'keyakinan' dan 'kepercayaan' rakyat kepada pemimpin yang 'disayangi'.

- Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



SEBAGAI seorang raja yang penyayang kepada rakyatnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa prihatin terhadap kebijakan serta keperluan rakyatnya misalnya dari segi menyediakan perumahan dan kemudahan-kemudahan sosial yang lain untuk semua lapisan rakyat. Ini dapat diperlihatkan berdasarkan kepada gambar di atas dalam Majlis Penyerahan Anak Kunci di Daerah Brunei dan Muara.

- Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid

terdiri dari berlainan latar belakang, budaya dan agama. Apa yang jelas bagi kita di Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Kesultanan Melayu Islam yang merdeka, berdaulat dan lagi demokratik. Perkara ini telah diperjalaskan dalam titah baginda di forum tersebut:

"Those are our thoughts in Brunei, Mr. president. We still great pride in our history, our traditions and our way of life. It is our inheritance and we cherish it. But, just as we herited our own past, so will our children and grandchildren inherit theirs."

And we are increasingly aware this is our immediate responsibility. The

past is what it is. The future will be the same. Only the present is changeable. This is what we are now engaged in. It's official name are 'education', 'health care', 'food security economic diversification' and so on. But, in spirit, we believe it is the essence of political values that we are privileged to share at this Forum."

Kesimpulannya, kenyataannya memang tidak dapat nafikan bahawa rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam memang telah menikmati rasa keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan hidup sepanjang hampir 45 tahun di bawah kepimpinan Keba-

wah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Semuanya ini adalah akibat dari perancangan pembangunan negara yang telah dilaksanakan dalam bidang pendidikan, kesihatan, pemakanan, perumahan perhubungan, perdagangan, pertanian, perusahaan dan sebagainya. Oleh itu, apa pun perubahan-perubahan yang kita rancang dan laksanakan pada dewasa ini adalah merupakan satu usaha kita untuk mengukuh dan seterusnya mengekalkan warisan bangsa Brunei di masa akan datang.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tinjau tapak projek

Keselamatan kampung perlu diberi perhatian

KUALA BELAIT, Ahad, 6 Disember. - Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Jamain bin Momin menekankan kepada agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang supaya memberi perhatian menganai soal keselamatan dalam berbagai aspek khususnya berkaitan dengan kehidupan penduduk Kampung Sungai Teraban.

Pegawai Daerah Belait menekankan perkara tersebut memandangkan kedudukan Kampung Sungai Teraban yang ber-kongsi sempadan dengan negara jiran dan ianya memerlukan peningkatan dalam penjagaan keselamatan seperti penyeludupan manusia, penyeludupan barang yang ditengah, penyeludupan dadah berbahaya, kemasukan pendatang haram dan penyeludupan barang curian atau rompakan.

Selain itu soal keselamatan juga katanya di-kaitan dengan perubahan iklim, suhu panas yang semakin meningkat juga memberi kesan kepada kawasan-kawasan tepi pantai yang semakin susur dan perubahan tersebut turut mengakibatkan



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Jamain mempergerusikan majlis persampaian dan sesi dialog tersebut.

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omarallli

hakisan pada kawasan tepi pantai kampung berkenaan.

"Jika tidak ada langkah-langkah dibuat bagi menghadang ombak seperti pemecah ombak maka kesan akan dapat dilihat dalam masa jangka panjang Kampung Sungai Teraban khususnya," te-gasnya.

Demikian pula keselamatan juga dikaitkan dengan kemudahan asas untuk kesejahteraan penduduk, jambatan, jalan raya dan sebagainya, ucapnya di Majlis Perjumpaan dan Sesi Dialog Bersama Majlis Perundungan Kampung (MPK) Sungai Teraban dan Penduduk Kampung Berkenaan Bersama Agensi-agensi Kerajaan Cawangan Daerah Belait, bertempat di balai raya kampung tersebut.

Beliau yang mempergerusikan majlis itu berharap majlis tersebut sebagai satu perjumpaan yang harmoni dan memupuk persefahaman, kemusafakan serta kerjasama untuk sama-sama membangun kampung tersebut sebagai arena untuk berpolitik, mengkritik, untuk mengungkit kelebihan seseorang atau agensi berkaitan, tetapi menjadi arena untuk mencambah pemikiran ke arah kebaikan bagi semua pihak.

Sehubungan itu beliau berharap MPK dan penduduk kampung supaya menggunakan peluang yang ada untuk berinteraksi dan berdialog secara sihat dan profesional kerana perdebatan yang tidak sihat bukan budaya orang Brunei, malah akan membawa lebih banyak mudarat dari manfaat.

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omarallli

KUALA BELAIT, Selasa, 8 Disember. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan telah mengadakan lawatan kerja hari ini ke Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria dan ke tapak-tapak projek yang dikendalikan oleh jabatan tersebut.

Turut hadir dalam lawatan tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) Awang Haji Mohd. Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam; Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Muhammad Lutfi bin Abdullah dan pegawai-pe-gawai kanan kementerian berkenaan.

Lawatan kerja Yang Berhormat dimulakan dengan melawat ke tapak Projek Pusat Persidangan Kuala Belait Fasa I. Pelaksanaan projek tersebut mengambil masa 12 bulan yang bermula pada 16 Mac lalu dan dijangka siap pada 15 Mac tahun depan.

Projek bangunan dua tingkat itu mempunyai keluasan 1.243 hektar yang boleh memuatkan 1,300 kapisiti di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 (RKN8) yang dilaksanakan oleh Salishah and Sons (B) Sendirian Berhad dengan harga kontrak berjumlah BND3.4 juta.

Antara kemudahan yang terkandung dalam bangunan tersebut termasuk dewan serbaguna, pementasan, bilik VIP, bilik mesyuarat, pejabat dan bilik ibadat.

Reka bentuk bangunan tersebut menunjukkan perpaduan ekonomi, industri dan reka bentuk tradisi di daerah ini yang berkaitan dengan sumber penghasilan minyak serta ianya juga menggabungkan reka bentuk moden dan tradisi se-suai dengan penaikan dari segi estetiknya.

Dari sana, Yang Berhormat berdarat ke Projek Pasar Baru Kuala Belait yang terletak di bekas tapak Bengkel Jabatan Kerja Raya (JKR), Jalan Sungai.

Projek tersebut di bawah RKN8 di bawah kawalan Jabatan Kemajuan, JKR,



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan ketika ditunjukkan pelan bangunan Pasar Baru Kuala Belait yang kini sedang dalam proses pembinaan.

Kementerian Pembangunan.

Pada awal pembinaan projek tersebut bermula 21 Oktober 2006 dan dijangka siap pada 20 Oktober 2007 dengan kos pembinaan BND4.1 juta namun projek tersebut terbengkalai dan kini pembinaan projek tersebut telah diambil alih oleh Syarikat Pemborong Wataniah (B) Sendirian Berhad yang telah memulakan kerja-kerja pembinaan pada 2 November lalu dan dijangka siap pada 1 Julai 2010 dengan kos pembinaan BND2.8 juta.

Bangunan projek tersebut mempunyai keluasan tiga ekar akan dilengkapi dengan 80 bangku untuk bermiaga iaitu aras bawah akan menempatkan bangku-bangku sayur, kuih, daging, ikan, ayam, tempat penyedutan, letak kereta, tempat pemunggahan dan tandas awam manakala aras atas akan menempatkan bilik pejabat, bilik ibadat, tempat berwuduk, tempat menunggu dan tandas.

Yang Berhormat meneruskan lawatan ke Projek Pembinaan Tebing Sungai Belait dan sekitarnya termasuk pembinaan gerai makan yang bernilai ham-pir BND1.7 juta itu dilaksanakan oleh ENCORE Sendirian Berhad.

Projek yang mempunyai keluasan 3.5 ekar itu di-dirikan di bekas tapak Pejabat JKR dan siap sepe-nuhnya pada bulan Ogos lepas.

Ianya dilengkapi berba-gai kemudahan seperti dewan persidangan, taman permainan kanak-kanak,

kawasan bersenam, tempat bersantai sambil menyaksikan pemandangan Sungai Belait, pentas persembahan dan tandas awam.

Sejurus selepas itu, Yang Berhormat melawat pula ke bangunan Pejabat Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria di Jalan McKerron dengan membuat tinjauan ke bahagian-bahagian jabatan tersebut bagi mengetahui lebih dekat lagi pelaksanaan tu-gas-tugas dan tanggungjawab yang dikendalikan oleh jabatan tersebut dalam memberikan perkhidmatan dengan baik dan memenuhi harapan pelanggan khususnya kepada orang ramai selaras dengan 'core busi-ness' jabatan tersebut.

Lawatan Yang Berhormat diakhiri dengan lawatan ke tapak Projek Pembinaan Dewan Serbaguna dan Gelanggang Boling di Pekan Seria.

Dewan serbaguna yang mempunyai keluasan 5,700 meter persegi itu dibina di atas tanah seluas 2.93 ekar di kawasan Jalan Tengah Seria berhadapan Bangunan Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC).

Sesuai dengan kosnya berharga BND10 juta akan dilengkapi dengan berbagai kemudahan seperti sebuah ruang dewan utama yang boleh menampung se-ramai 1,500 orang pengguna dan ianya boleh digunakan untuk acara seperti majlis-majlis keramaian, sukan permainan dalam 'indoor games', bilik gerakan, bilik gimnasium, perpustakaan, surau dan bilik orang-orang

kenamaan.

Sebuah kemudahan yang disediakan adalah bagi kegunaan semua penduduk di negara ini khasnya masyarakat setempat.

Dengan wujudnya de-wan tersebut kelak akan menjadi rantai yang akan menghubungkan prasarana-prasarana yang sedia ada dan yang akan dibina berdekatan denganannya seperti Gelanggang Boling.

Kos pembinaan bangunan Gelanggang Boling bernilai BND5 juta merupakan salah satu projek pembangunan yang dijangka akan menjadikan mu-kim ini tempat yang menjadi kunjungan dan ber-kembang maju.

Antara kemudahan yang terdapat di bangunan tersebut seperti 24 lorong boling, kedai menjual per-alatan boling, ruang makan seperti kafe, ruang istirahat, kemudahan tempat minum, bilik gerakan, kaunter makanan ringan, dua buah pawagam dan kawasan permainan arked.

Projek pembinaan ke-dua-dua buah bangunan tersebut dibiai sepenuhnya oleh Syarikat Minyak Brunei Shell dan pembi-naannya telah dimulakan awal bulan Julai ini dan dijangka siap dalam tem-poh 12 bulan.

Dengan adanya ke-dua-dua bangunan tersebut akan menjadi salah satu tarikan kepada masyarakat Daerah Belait untuk ber-riah dan mengamalkan kehidupan aktif dan sihat serta menggalakkan per-kembangan perusahaan kecil dan sederhana.

NDMC dengan kerjasama APCSS anjur ceramah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Disember. - Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) dengan kerjasama Asia Pacific Centre for Strategic Studies (APCSS) telah menganjurkan satu sesi ceramah bertajuk 'Organizing Ideas for Humanitarian Assistance Disaster Relief: Thinking Before the Storm' yang telah disampaikan oleh Profesor Herman F. Finley Jr., berlangsung di Hotel Centrepoin, Gadong, di sini.

Para peserta yang hadir semasa ceramah tersebut terdiri daripada ahli-ahli alumni APCSS di negara ini.

Juga hadir ialah para pegawai dari Pusat NDMC, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Daerah, Jabatan Penerangan, Jabatan Radio dan Televisyen Brunei serta beberapa orang wakil daripada pihak media.

APCSS adalah sebuah Institut Akademik Jabatan Pertahanan Amerika

Syarikat yang berpangkalan di Hawaii dan fokus pengajian adalah isu-isu keselamatan serantau dan juga global.

APCSS juga telah banyak menjemput para pegawai dari pihak tentera dan juga sivil di Amerika Syarikat dan juga di rantau Asia Pasifik termasuk Negara Brunei Darussalam untuk mengikuti program-program yang dijalankan di institut tersebut.

Pihak APCSS berada di Negara Brunei Darussalam sehingga 8 Disember 2009 sebagai salah satu 'Alumni Outreach Program' dengan mengadakan perjumpaan dengan ahli-ahli alumni APCSS di negara ini.

Sebelum ini, APCSS juga pernah bekerjasama dengan Pusat NDMC bagi mengadakan satu bengkel pengurusan bencana pada tahun 2007 yang lalu.

SESUAI dengan kosnya berharga BND10 juta akan dilengkapi dengan berbagai kemudahan seperti sebuah ruang dewan utama yang boleh menampung seramai 1,500 orang pengguna dan ianya boleh digunakan untuk acara seperti majlis-majlis keramaian, sukan permainan dalam 'indoor games', bilik gerakan, bilik gimnasium, perpustakaan, surau dan bilik orang-orang kenamaan.

Pastikan calon penghulu mukim, ketua kampung mempunyai kriteria kepimpinan

JALAN TUTONG. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui jabatan-jabatan dalamnya sentiasa memastikan calon-calon penghulu mukim dan ketua kampung

mempunyai kriteria-kriteria kepimpinan, kewibawaan, ketokohan yang tinggi serta mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang bersesuaian bagi memastikan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan akan dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

Dalam usaha bagi memastikan penghulu mukim dan ketua kampung mempunyai kredibiliti, tahap kepimpinan dan pengetahuan dalam hal ehwal pengurusan bagi memudahkan mereka mendirib penghulu mukim dan mukim-mukim di bawah jagaan masing-masing, kementerian berkemana dengan kerjasama jabatan-jabatan daerah dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan telah mengungkayahkan kursus-kursus bagi meningkatkan tahap kapasiti dan kemahiran penghulu mukim dan ketua kampung antaranya termasuklah kursus dalam bidang teknologi

maklumat.

Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Mawardi bin Haji Abdullah, ketika menyatakan perkara tersebut di Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Ketua Kampung Tasek Meradun/Bunut, Mukim Kilan menjelaskan, ada sebilangan penghulu mukim dan ketua kampung telah dapat menguasai penggunaan komputer dengan baik, malah ada yang telah berjaya menyediakan laman webnya sendiri.

Katanya, kementerian berkenaan akan terus berusaha dalam meningkatkan dan penambahbaikan dengan mengadakan kursus-kursus serta latihan ulang kaji dan sebagaimana keperluannya.

"Walau bagaimanapun, kursus-kursus dan latihan-latihan yang diikuti dan dihadiri tidak akan bermakna tanpa adanya usaha dan komitmen daripada penghulu mukim dan ketua kampung itu sendiri bagi membuat sebarang perubahan dan mempraktikkan ilmu pengetahuan yang diperolehi untuk diaplikasikan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan cara yang lebih berkesan," jelasnya.

Beliau seterusnya menerangkan bahawa perpaduan dan persefahaman di antara masyarakat adalah penting kerana tanpa adanya perpaduan dan persefahaman itu tidak akan wujud rasa 'kekitaan' dalam menjaga keselamatan, keamanan, ketenteraman dan kese-

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

jahteraan mukim dan kampung.

Sehubungan itu tambahnya, setiap anggota masyarakat mempunyai peranan penting dalam menjaga dan memastikan keharmonian serta kesejahteraan di kawasan masing-masing.

"Melalui semangat kerja 'kekitaan' yang disokong dengan kerjasama anak-anak buah kampung akan memberikan impak yang positif ke arah pembangunan sebuah mukim dan kampung," ujarnya.

Ketua Kampung Tasek Meradun/Bunut yang baru, Pengiran Haji Othman bin Pengiran Haji Sulaiman, 60 tahun, sebelum ini

ialah Juruteknik Pelajaran Kesihatan di Kementerian Kesihatan.

Pengiran Haji Othman mula menjawat jawatan sebagai Ketua Kampung Tasek Meradun/Bunut pada 2 November 2009 bagi menggantikan jawatan Ketua Kampung Tasek Meradun/Bunut yang lama, Awang Haji Maidin bin Haji Kassim yang telah bersara pada 25 September 2009.

Penyampaian sijil lantikan tersebut telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap KHEDN yang segera melancarkan papan tanda ketua kampung berkenaan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Mawardi bin Haji Abdullah ketika menyampaikan Sijil Lantikan Ketua Kampung Tasek Meradun/Bunut kepada Pengiran Haji Othman. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

YSHHB dan JAPEM sumbang BND24,100 kepada mangsa kebakaran

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim menyerahkan sumbangan bantuan kepada Chua Wee Ching, berlangsung di Dewan At-Taqwa, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. - Foto : Azmah Haji Ahad & Mastinah Malik.

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menyumbangkan BND14,100 kepada dua ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran itu.

Sumbangan bagi membantu meringankan beban mereka itu diserahkan oleh Pengarah Pembangunan Masyarakat, Datin Hajah Adina binti Othman kepada Awang Haji Ibrahim bin Chakong dan Chua Wee Ching, berlangsung di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, baru-baru ini.

Sementara itu, selaras dengan dasar penubuhannya untuk memeduli dan membantu meringankan mereka yang ditimpakan musibah seperti mangsa kebakaran, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) juga menyerahkan sumbangan kepada kedua-dua ketua keluarga tersebut.

Sumbangan keseluruhan berjumlah BND10,000 diserahkan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud.

Aktiviti bergotong-royong membersihkan rumah seorang warga emas

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

TEMBURONG. - Hampir 60 orang sukarelawan menyertai aktiviti amal bergotong-royong membersihkan kawasan dalam dan luar rumah seorang warga emas di Kampung Selapon, Mukim Batu Apoi, baru-baru ini.

Kerja kemasyarakatan itu adalah aktiviti berturusan Unit Sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) melalui Jawatankuasa Kerja Projek Memeduli Warga Emas dan Keluarga Yang Memerlukan Bantuan dalam usahanya 'menggalang' kebajikan rakyat

di negara ini.

Penolong Pegawai Perhubungan Awam YSHHB, Awang Kashfil Aziz bin Haji Jumat, menjelaskan kerja-kerja gotong-royong ini melibatkan para sukarelawan membersihkan kawasan rumah serta melakukan kerja-kerja mengecat luar dan dalam rumah Dayang Nur Sabrina binti Abdullah Jingga serta keluarga.

Selain itu Unit Sukarelawan YSHHB, para sukarelawan yang membantu menjayakan aktiviti berkebajikan ini juga terdiri dari rakan-rakan strategik unit tersebut antaranya para pe-

gawai dan kakitangan Unit Dakwah Daerah Temburong, ahli-ahli daripada

Persatuan Bekas Parajurit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Jabatan

Daerah Temburong dan pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB sendiri.



SEBAHAGIAN sukarelawan semasa menyertai aktiviti amal bergotong-royong.

Penuntut dari Canadian International School buat kerja amal

BENGKURONG. - Sebanyak 36 orang penuntut-penuntut dari Canadian International School, Hong Kong telah mengadakan lawatan sambil belajar dan membuat kerja-kerja amal di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al Hajjah Maryam, baru-baru, di sini.

Rombongan disertai empat orang tenaga pengajar sekolah berkenaan dalam rangka lawatan seminggu ke Negara Brunei Darussalam yang dianjurkan oleh Sunshine Borneo Tours Brunei.

Atur cara lawatan mereka bermula dengan

taklimat video mengenai peranan dan penubuhan serta latar belakang Pusat Ehsan dan seterusnya dibawa melawat ke bilik-bilik darjah dan bahagian-bahagian yang terdapat di pusat berkenaan.

Dalam lawatan tersebut, para penuntut juga mem-



PENUNTUT-PENUNTUT daripada Canadian International School, Hong Kong juga tidak ketinggalan menghiburkan anak-anak istimewa di pusat berkenaan. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Oleh : Siti Zuraiyah Awang Sulaiman

buat kerja amal dan mengadakan aktiviti-aktiviti seperti permainan dan membuat persembahan bagi insan-insan istimewa pusat tersebut.

Antara tujuan utama lawatan tersebut adalah bagi memberi pendedahan kepada para penuntut mengenai peranan utama Negara Brunei Darussalam dalam menjaga kebajikan orang-orang berkeperluan khas terutamanya di Pusat Ehsan berkenaan, di samping memberi kesedaran awam tentang mereka yang berkeperluan khas.

Di samping itu, ianya juga membolehkan Pusat Ehsan untuk mempromosikan program-program yang sedia ada untuk pendidikan berkualiti, latihan dan penjagaan bagi menyediakan perkhidmatan pemuliharaan kepada orang-orang berkeperluan khas di negara ini.

Pusat Ehsan sebuah pertubuhan bukan kerajaan dan tidak mengambil keuntungan, telah mula ditubuhkan sejak tahun 2000 yang lalu dengan cawangan utamanya di Kampung Bengkuron.

Pusat tersebut telah berkembang dan kini mempunyai cawangan kedua-duanya yang baru dibuka di Jalan Maulana, Kuala Belait.

Selain itu, pusat tersebut menyediakan beberapa program pembelajaran seperti Unit Keperluan Khas, Program Kemahiran Hidup dan Program Sekolah bagi insan-insan istimewa dengan didikan dari guru-guru serta tenaga-teknologi pengajar yang terlatih.

Misi utama pusat ini adalah bagi melatih, membantu dan menjaga orang-orang berkeperluan khas untuk mencapai potensi penuh mereka dalam masyarakat.

Jerayawara TAP mantapkan perancangan kewangan

BERAKAS. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) meneruskan lagi usahanya dalam memberikan kesedaran dan kefahaman kepada orang ramai mengenai kepentingan perancangan kewangan dengan mengadakan jerayawara kepada pegawai dan kakitangan baru Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Jerayawara dihadiri oleh seramai 55 orang pegawai dan kakitangan dari kementerian tersebut yang berlangsung di Dewan Teater, Kementerian Kelembagaan, baru-baru ini.

Dalam sesi pertama taklimat berkenaan, Penyelia dari Jabatan Komunikasi Korporat TAP, Awang Mohd. Reza bin Haji Zainal Abidin menerangkan mengenai peranan dan fungsi TAP sebagai sebuah organisasi keselamatan sosial di negara ini.

Selain itu, beliau turut

Oleh : Siti Zuraiyah Awang Sulaiman

menasihati ahli untuk membuat anggaran dana yang diperlukan ketika bersara kelak berdasarkan gaya hidup yang ingin dicapai dan objektif kewangan yang diimpikan bagi membolehkan ahli membuat persiapan dari peringkat awal lagi.

Manakala Pengurus dari 'Investment Services and Bancassurance Product' Bank Standard Chartered, Awang Muhd. Yazid bin Yakub, selaku Perancang Kewangan yang diiktiraf memberikan penerangan mengenai konsep perancangan kewangan.

Beliau menekankan setiap impian memerlukan perancangan kewangan, ini termasuk impian untuk belajar di luar negeri untuk membeli kereta atau memiliki rumah.

Di samping itu, beliau turut mengongsikan beberapa

rapa panduan di dalam pengawalan hutang dan langkah-langkah yang diambil di dalam memulakan perancangan kewangan.

Jerayawara Perancangan Kewangan ini akan terus dijalankan oleh TAP melalui Jabatan Komunikasi Korporat dengan kerjasama beberapa institusi kewangan dan jabatan kerajaan dengan tujuan untuk memberikan dan menambah kesedaran mengenai perancangan kewangan terutama di dalam memikul tanggungjawab sendiri tanpa perlu bergantung kepada mana-mana pihak.

Mana-mana organisasi, institusi atau sekolah-sekolah yang berkehendakkan kepada taklimat yang sama dari pihak TAP bolehlah menghubungi Jabatan Komunikasi Korporat TAP di talian 2382929 sambungan 720.



JERAYAWARA ini merupakan salah satu usaha Tabung Amanah Pekerja ke arah memberikan kesedaran dan kefahaman kepada orang ramai mengenai kepentingan perancangan kewangan di peringkat awal. - Foto : Azmah Haji Ahad

BEDB kukuhkan komitmen mempromosikan perniagaan tempatan

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

tersebut, bagi membantu peniaga-peniaga memahami konsep pemasaran dan jenama dilaksanakan dengan efektif, ia pada dasarnya adalah aset perniagaan yang amat penting.

Visi BEDB adalah satu hari nanti, produk-produk 'Buatan Brunei' akan segera dikenal pasti sebagai produk-produk terbaik dan berkualiti tinggi, ujar beliau.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis itu dan seterusnya mendengarkan taklimat Ketua Pegawai



KETUA Pegawai Eksekutif, Brunei Accenture Group (BAG) Networks, Dayang Haslina binti Taib semasa berucap di majlis pembukaan-seminar berkenaan. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

Melalui bahagian ini katanya, BEDB akan mencari serta berusaha bagaimana untuk melaksanakan program-program dan alat-alat yang berkesan bagi meningkatkan kemahiran-kemahiran dan teknologi-teknologi PKS kita dalam membantu mereka memasarkan dan akhirnya mempromosikan produk-produk mereka di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Bengkel yang diadakan ini merupakan salah satu daripada inisiatif-inisiatif

Eksekutif Brunei Accenture Group (BAG) Networks, Dayang Haslina Taib.

Bengkel yang diadakan selama dua hari itu adalah sebagai usaha berterusan BEDB dalam perkongsian-naya dengan Pusat ASEAN - Japan (AJC) bagi memudahkan dan mengukuhkan pembangunan perusahaan tempatan.

Bengkel ini bertujuan untuk menambahkan kemahiran-kemahiran PKS tempatan mengenai penjenamaan dan pemasaran selain untuk menggalakkan kepelbagaian dan kualiti kraftangan serta produk-produk makanan tempatan.

Taklimat disampaikan oleh Profesor Ramon Meguro dari University Technology Tokyo.

Bengkel turut dihadiri oleh PKS tempatan terutamanya daripada pengusaha-pengusaha kraftangan dan industri makanan termasuk ahli-ahli Majlis Perniagaan Wanita dan Pusat Sumber Pembangunan Belia, serta ahli-ahli daripada Pusat Pembangunan Keusahawanan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

HSBC terus tingkatkan transformasi bertaraf dunia

Oleh : Siti Zabaidah Haji Salat

BANDAR SERI BEGAWAN. - Bagi meningkatkan lagi perkhidmatan yang bertaraf dunia kepada pelanggan, Bank Hong Kong dan Shanghai (HSBC) telah mengubahsuai cawangannya di Kompleks Shakirin, Kampung Kiulap, baru-baru ini, di sini.

Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Awang Haji Mohd. Rosli bin Haji Sabtu hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan perasmian cawangan HSBC itu yang mengalami pengubahsuaian.

Ketua Pegawai Eksekutif HSBC, Awang Tareq Muhammed dalam ucapan alu-aluan di majlis ringkas itu menjelaskan bahawa pengubahsuaian cawangan HSBC di Kampung Kiulap adalah yang pertama daripada sepuluh cawangannya yang sedang menjalani transformasi iaitu sejajar dengan strategi bank tersebut untuk memastikan para pelanggannya terus berkunjung ke HSBC di mana-mana cawangan seluruh dunia dengan pengalaman yang konsisten.

Menurut Awang Tareq Muhammed, cawangan HSBC di Kampung Kiulap adalah strategik, lebih-lebih lagi di kawasan komersial yang pesat membangun.

Sejak pembukaannya dalam tahun 2000, HSBC cawangan Kampung Kiulap, terus membangun dan terus berkembang maju bersama dengan sokongan pada para pelanggan tempatan, jelasnya.

Disebabkan pelanggan yang meningkat dengan cepat, saiz dan reka bentuk cawangan yang lama tidak lagi mampu menempatkan permintaan pelanggan dan dengan mengubahsuai lebih banyak cawangan HSBC adalah komitmen yang berterusan pihak HSBC, ujar



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Awang Haji Rosli semasa merasmikan Cawangan HSBC di Kompleks Shakirin, Kampung Kiulap yang mengalami pengubahsuaian. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

Awang Tareq.

Cawangan-cawangan HSBC yang lain, menurutnya, juga akan menjalani pembaharuan dalam tempoh tiga tahun bagi menyediakan persekitaran yang selesa kepada pelanggan sambil membuat urusniaga, terutama bagi pelanggan yang memerlukan privasi bagi membingkangi keperluan-keperluan kewangan.

HSBC kini mempunyai 8,500 cawangan di 86 buah negara seluruh dunia dengan mempunyai aset sebanyak USD2,422 bilion pada 30 Jun 2009 dan ia merupakan salah sebuah bank dan pertubuhan kewangan yang terbesar di dunia.

55 pengawal keselamatan SPSS hadiri taklimat TAP

Oleh : Ak. Haji Md. Zukarnaen Pg. Haji Abu Bakar

JERUDONG. - Dalam usaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan perancangan kewangan, Tabung Amanah Pekerja (TAP) melalui Jabatan Komunikasi Korporat meneruskan siri Jerayawara Perancangan Kewangan kepada 55 pegawai keselamatan lelaki Setia Protective Security Services (SPSS) Sdn. Bhd. pengambilan ke-44 yang diadakan di Dewan Serbaguna SPSS, baru-baru ini, di sini.

Penyelia Jabatan Komunikasi Korporat TAP, Awang Mohd. Reza bin Haji Zainal Abidin menerangkan, TAP sebagai sebuah organisasi keselamatan sosial di negara ini

berfungsi sebagai unit pegurusan harta (Wealth Management Unit) Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Daerah Nurul Jafriah binti Abdullah juga menerangkan mengenai konsep perancangan kewangan yang menekankan bahawa setiap impian memerlukan perancangan kewangan, termasuk impian untuk belajar di luar negeri, membeli kereta atau memiliki rumah.

Beliau juga mengongsikan beberapa panduan mengenai pengawalan hutang dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk memulakan perancangan kewangan.

Beliau menerangkan, caruman TAP sebanyak lima peratus dari gaji ahli adalah kadar minimum yang dikehendaki bagi ahli membuat simpanan, manakala 95 peratus lagi adalah sepuhunya di bawah kawalan ahli untuk membuat simpanan bagi keperluan-keperluan mendatang.

Katanya, ahli perlu membuat anggaran dana yang diperlukan ketika bersara kelak, berdasarkan gaya hidup yang ingin dicapai dan objektif kewangan yang diimpikan bagi membolehkan ahli membuat persiapan di peringkat awal lagi.

SIRI Jerayawara Perancangan Kewangan TAP dengan kerjasama beberapa institusi kewangan, jabatan-jabatan kerajaan dan sektor swasta bertujuan untuk menambahkan kesedaran mengenai kepentingan perancangan kewangan terutama dalam memikul tanggungjawab sendiri tanpa perlu bergantung kepada mana-mana pihak.

Mana-mana organisasi,

institusi atau sekolah-sekolah yang berkehendakkan kepada TAP mengadakan taklimat yang sama boleh menghubungi Jabatan Komunikasi Korporat TAP di talian 2382929 sambungan 720.



PENGURUS Unit Pegurusan Harta Bank Islam Brunei Darussalam, Dayang Nurul Jafriah memberikan taklimat perancangan kewangan kepada 55 pengawal keselamatan lelaki Setia Protective Security Services (SPSS) Sdn. Bhd. pengambilan ke-44 berlangsung di Dewan Serbaguna SPSS. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



MENTERI Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman semasa berucap di Majlis Persidangan Persekutuan Aktauntan-aktauntan ASEAN Ke-16, berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun.

- Foto : Abdul Kadir Md. Tahir

Kerajaan melakukan usaha mengukuhkan sektor kewangan negara ini

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Disember. - Menteri Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkata, Negara Brunei Darussalam membuat perkembangan yang penting dalam usaha-usahanya ke arah daya saing global.

Yang Berhormat menyatakan demikian ketika memberikan ucaptama dan seterusnya merasmikan Persidangan Persekutuan Aktauntan-aktauntan ASEAN (AFA) Ke-16, di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, Yang Berhormat menyatakan, Forum Ekonomi Dunia dalam Laporan Daya Saining Global telah meletakkan Negara Brunei Darussalam di tempat ke 32 dari 133 ekonomi, naik dari nombor 39 pada tahun

sebelumnya dan juga berada di nombor satu dalam bentuk kestabilan makroekonomi.

Hasil yang positif ini jelasnya, mencerminkan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mengukuhkan daya tahan negara dan dalam mempercepatkan program-program mempelbagaikan ekonomi negara.

Yang Berhormat juga berkata bahawa usaha-usaha telah dilakukan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Kewangan untuk mengukuhkan kapasiti sektor kewangan di negara ini.

Menurutnya, pihak Kementerian Kewangan percaya sektor perakaunan

mengjadi elemen penting dalam usaha kerajaan untuk mengukuhkan sektor swasta.

"Integriti laporan kewangan yang dikeluarkan oleh akauntan dan diprinsip oleh para juruaudit luaran, akan sentiasa menjadi jambatan antara syarikat dan pihak-pihaknya yang berkepentingan, sama ada klien-klien dan pembiutang," jelas Yang Berhormat.

Seterusnya Yang Berhormat menjelaskan, Kementerian Kewangan baru-baru ini mengkaji kemungkinan untuk lebih mengukuhkan rangka kerja pengawal untuk sektor itu, mengukuhkan penyertaan tempatan dan meningkatkan pentadbiran.

"Kami berharap melalui kawalan yang lebih baik, kami akan dapat untuk me-

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

narik profesional-profesional dan akauntan-akauntan terkemuka untuk menyertai sektor ini di negara ini," ujar Yang Berhormat.

Menurutnya, inisiatif-inisiatif tersebut adalah sebagai sejajar dengan peningkatan kawalan yang baru diperkenalkan sejak dua tahun lepas untuk meningkatkan daya saing pelaburan dan persekitaran ekonomi negara secara keseluruhan bagi menarik pelaburan asing secara langsung dalam negara ini terutamanya oleh perbadanan-perbadanan pelbagai negara.

"Untuk mencapai hal itu, beberapa strategi dan proses sedang dilakukan. Kami menyediakan insentif-insentif bagi pelaburan

dalam pelbagai bidang, terutama industri-industri pelopor, pengeluaran untuk eksport, perdagangan antarabangsa, penggudangan, kapital perusahaan dan teknologi-teknologi baru," terangnya.

Pihak kementeriannya tambahnya, juga berusaha sedaya upaya untuk memajukan negara ini sebagai pusat perkhidmatan kewangan serantau.

Untuk mengurangkan lagi kos perniagaan di negara ini, Yang Berhormat menjelaskan Kerajaan Kebawah DYMM telah merancang untuk mengurangkan kadar cukai korporat dari 30 peratus kepada 23.5 peratus dalam tempoh hanya tiga tahun.

Program SSEAYP membolehkan belia matang dan memahami cabaran



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejor Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad semasa hadir di Upacara Selamat Datang dan Jamuan Tengah Hari Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara Ke-36. - Foto : Azmah Haji Ahad.

JERUDONG, Selasa, 8 Disember. - Sebagai komponen penting dalam penduduk dan pemimpin akan datang, belia memainkan peranan penting dalam masyarakat masing-masing serta dianggap permungkin dan agen perubahan masa hadapan.

Demikian ditegaskan oleh Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejor Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud semasa berucap di Upacara Selamat Datang dan Jamuan Tengah Hari Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara (SSEAYP) Ke-36.

Yang Berhormat yakin peranan kepimpinan yang diberikan kepada peserta Program SSEAYP telah membolehkan mereka menjadi lebih matang, boleh memahami dan menganalisis isu serta cabaran yang terus dihadapi pada masa ini.

"Perkara ini merupakan kualiti penting bagi per-

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

kembangan masa depan," jelas Yang Berhormat selaku tetamu kehormat di majlis yang berlangsung di Grand Hall, Empire Hotel and Country Club, di sini.

Majlis bermula dengan memperkenalkan tetamu kehormat kepada ketua-ketua rombongan program berkenaan yang terdiri daripada Ketua Pentadbir Kapal Fuji Maru, Aichiro Tanaka serta Ketua-ketua Rombongan yang terdiri daripada Jepun, Naomi Uemori; Republik Filipina, Bernardo Geraldine Go; Malaysia, Mohsinar binti Abdul Malek; Republik Singapura, Farizan bin Amin; Thailand, Siriwan Aruntippaitune; Myanmar, U. Sai Lon Kyaw; Kembuja, Nith Bunlay; Republik Indonesia, Donay Wicaksono Moehargo; Republik Demokratik Rakyat Lao, Somsanith Keodouangdy; Viet Nam, Pham Viet Ha dan Ketua Rombongan Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Mohammad Ibrahim bin Haji Jumaat.

Program berkenaan bukan hanya menyediakan peluang tidak ternilai kepada para peserta untuk menambah pengetahuan serta pengalaman melalui persefahaman dan bertukar-tukar pandangan, bahkan melalui program itu para peserta juga berpeluang mempelajari ekonomi, politik, kebudayaan dan latar belakang sosial negara masing-masing.

Ini setentunya merupakan perkara penting dalam mempromosikan persefahaman budaya dan saling menghormati antara satu sama lain dan sebagai sumbang para belia kepada

negara dan bangsa.

Melalui program tersebut para peserta akan menggunakan sebagai landasan bagi meningkatkan potensi mereka dan menjalinkan rangkaian di antara mereka semasa dalam Kapal Fuji Maru dan juga semasa tinggal bersama keluarga angkat.

Program berkenaan juga diharapkan dapat menyediakan peluang kepada para peserta untuk berinteraksi dan mewujudkan persahabatan bagi melahirkan kepimpinan berkualiti, keyakinan diri serta menyerlahkan bakat masing-masing yang mana akan menjadi bakal pemimpin masa hadapan.

Negara Brunei Darussalam mula menyertai program pertukaran belia itu selaku pemerhati pada tahun 1984 dan penyertaan penuh pada tahun 1985.

Tahun ini merupakan kali ke-25 Negara Brunei Darussalam menyertai program yang dibukakan penyertaannya untuk belia-belia dari negara anggota ASEAN dan Jepun yang berumur di antara 18 hingga 30 tahun yang antara

lain bertujuan untuk mengukuhkan persefahaman dan kerjasama.

Kontinen Negara Brunei Darussalam diwakili oleh seorang ketua rombongan bersama 28 orang peserta, 14 lelaki dan 14 perempuan terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan swasta serta belia perseorangan.

Peserta-peserta yang mewakili negara telah membuat persiapan rapi dari pelbagai aspek termasuk persembahan kebudayaan, pameran pengenalan Negara Brunei Darussalam dari sudut sosioekonomi, adat budaya, cara kehidupan dan perbincangan mengikut topik-topik yang disediakan.

Dengan persediaan yang ada, peserta negara akan mampu menonjolkan serta mengangkat nama negara ke mata dunia selaku 'duta kecil' dan menjaga serta menunjukkan imej negara yang dikenali sebagai kaya dengan tatasusila, tinggi budi bahasa, bersopan santun dan berkeperibadian baik dalam semua aspek termasuk cara hidup, sosiobudaya, politik dan pembangunan ekonomi sesebuah negara.

"PROGRAM berkenaan bukan hanya menyediakan peluang tidak ternilai kepada para peserta untuk menambah pengetahuan serta pengalaman melalui persefahaman dan bertukar-tukar pandangan, bahkan melalui program itu para peserta juga berpeluang mempelajari ekonomi, politik, kebudayaan dan latar belakang sosial negara masing-masing."

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Disember. - Bagi mendedahkan fungsi dan peranan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), satu taklimat telah diadakan bagi kakitangan sektor perhotelan di negara ini.

Lebih 30 kakitangan Hotel Sheraton Utama dan Hotel Orchid Garden

menghadiri taklimat yang berlangsung di Hotel Sheraton Utama, di ibu negara.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Awam Polis, Ketua Inspektor Burhan bin Abang yang berkisar mengenai keselamatan dan jenayah.

Beliau antara lain menyatakan jenis-jenis jenayah yang berlaku di negara ini, di samping menjelaskan keutamaan aspek keselamatan diri dan persekitaran.

Selain itu, beliau juga menggariskan tentang sejarah penubuhan PDB dan visi serta misi pasukan ber-

kenaan.

Taklimat seumpamanya merupakan sebahagian dari Program Kempen Kesihatan dan Keselamatan 'Health and Security Campaign' anjuran Hotel Sheraton Utama sebagai acara tahunan.

Antara program yang disusun sepanjang seminggu kempen diadakan sejak 7 Disember itu ialah derma darah, perbincangan mengenai kesihatan, 'explorace' dan sebagainya.

Lebih 30 kakitangan Hotel Sheraton Utama dan Hotel Orchid Garden

menghadiri taklimat yang berlangsung di Hotel Sheraton Utama, di ibu negara.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Awam Polis, Ketua Inspektor Burhan bin Abang yang berkisar mengenai keselamatan dan jenayah.

Selain itu, beliau juga menggariskan tentang sejarah penubuhan PDB dan visi serta misi pasukan ber-

kenaan.

Taklimat seumpamanya merupakan sebahagian dari Program Kempen Kesihatan dan Keselamatan 'Health and Security Campaign' anjuran Hotel Sheraton Utama sebagai acara tahunan.

Antara program yang disusun sepanjang seminggu kempen diadakan sejak 7 Disember itu ialah derma darah, perbincangan mengenai kesihatan, 'explorace' dan sebagainya.

CERITA SERIBU

SATU MALAM

SEBERMULA membaikah penulis ini Syair Nasihat kangan Muda Omar 'Ali Saifuddien entah untuk kali berapa. Sesungguhnya penulis tidak jemu membaca syair-syair karangan Sultan Brunei Ke-28 ini.

Paling tidak, khazanah sastera sedemikian ini tetap jadi pemandangan untuk penulis terus berkarya. Alhamdulillah, selama mana kurnia bakat menulis dan mengarang ini masih dibahanakan oleh semua penulis-penulis termasuk pengkarya sastera. Penulis faham, sefaham-fahamnya bahawa ketika sesuatu amal sedang dilakukan, keikhlasan hati perlu dijaga kerana tanpanya, segala amalan dan perbuatan termasuk yang fardu, tidak akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam Islam amalan hati adalah lebih utama berbanding amalan zahir walaupun kedua-duanya penting dalam Islam. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda seperti riwayat Bukhari dan Muslim:

"Sesungguhnya setiap amal bergantung kepada niat dan setiap orang mengikut apa yang diniatkaninya."

Cendekiawan Islam mutakhir Syeikh Dr. Yusuf al-Qardawi berpesan bahawa ilmu pengetahuanlah yang dapat menolong seorang membezakan antara perbuatan yang utama daripada yang kurang utama; antara amalan yang boleh diterima agama dari pada yang salah di sisi agama; antara tindakan yang berlandaskan kaedah sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam daripada bidaah dan terbabas supaya dengan demikian seluruh amal perbuatan seseorang mempunyai nilai mengikut kaca

mata agama.

Kekadang apabila penulis menatap buku Syair Nasihat ini tanpa sedar penulis berusaha untuk menambah syair bukan membaca syair. Menambah syair dan membaca syair adalah dua cara pendekatan yang sungguh berbeza. Tidak sama.

Umpama burung tiada berbatis

Walaupun banyak sayap berlapis

Di atas awan terkikis-kikis

Untuk merayap harapan tipis.

Ibarat bangunan tiada beraras

Sebegitu besar sebegitu luas

Apalagi lambat walau-pun lekas

Terkena ribut seperti kapas.

Serba serbi hendaklah cermat

Usaha kebajikan biar di-hormat

Biar lambat asalkan se-lamat.

Memohonkan niat me-ninggatkan rahmat.

Jimat itu jembatan kaya

Jangan lupa bawa se-baya

Bukan dilarang mem-buat gaya

Di jalan terang lagi ber-cahaya.

Syahdan ketika sarapan dan santai-santai bersama kawan-kawan yang bersara di gerai Sumbangsih Mulia ternampaklah kami kepada satu meja yang diduduki oleh tiga orang yang berumur lingkungan akhir 20-an dan pertengahan 30-an. Meja yang diduduki mereka hanya dipisahkan oleh lorong laluan selebar satu kaki setengah.

Kedengaran kurapak mereka sambil ketawa. An-



**Haji Mohd.
Salleh bin Abdul Latif,
Penerima Anugerah
Penulis Asia Tenggara 1990
(The S.E.A. Write Award)**

BILANGAN 48

tara kurapak mereka yang sempat penulis ingat.

"Tadi, batah kami tunggu ani, kau di mana?" tanya lelaki A.

"Apa lagi, bagas membayar credit mobile ku, dan anakku yang tiga orang bahan," jawab lelaki B.

Lelaki C menyampuk, "Kelmarin anakku yang nombor tiga ..."

Dipotong oleh A, "Anakmu yang ambil periksa PMB (Penilaian Mengenang Bawah) atu?"

"Awu ... minta belikan mobile (telefon bimbit) tia," jawab C.

Dari jarak yang begitu dekat dengan meja kami itu, kami dapat mendengar dengan jelas bahawa lelaki C telah membelikan telefon bimbit untuk anaknya yang ketiga. Dengan pembelian telefon bimbit untuk anaknya yang ketiga bermakna dalam unit keluarga itu telah memiliki empat buah telefon bimbit, ditambah dengan telefon rumah berjumlah lima telefon.

Yang pasti setiap telefon yang dimiliki tidak perguna. Penggunaannya juga tidak perguna. "Ehhh ... anakmu ada udah bekarja?" soal lelaki A.

"Alum, aku tah yang tanggung. Bini apa jua, hanya kerani biasa! Anakku ganya empat orang. Yang bungsu PSR tahun depan."

"Kau (menyebut nama), be-

rapa dapat?" tanya lelaki B.

Lelaki A menjawab selemba, "Adalah. Jumlah 36 bulan. (Lalu menyebut jumlah itu separuh berbisik dengan kedua-dua orang temannya memasang telinga.)"

"Hah, alah aku. Banyak jua. Keretamu lebih berjenama dari keretaku," kata B.

Raut wajah B dan C nampak rasa tidak senang.

"Kau ni, kereta atau kubeli sempena aku naik pangkat," jawab A.

"Untung kau tu, empat tahun dapat lagi durian runtu," sampuk C.

"Durian runtu, apa maksudmu?" tanya A macam tidak faham.

"Tambang ke England, bah. Tapi aku dua tahun lagi dapat tah tambang atu."

Dari perbualan itu kami mendapat tahu bahawa ketiga-tiga orang lelaki itu adalah penerima agihan zakat. Mereka itu adalah pegawai kerajaan peringkat Divisyen III. Tapi kami tidak tau dari asnab mana? Yang pasti, hanya tiga jenis asnab yang dapat ialah fakir, miskin dan al-gharimin.

Waktu itu jam sepuluh pagi, mereka leka menikmati lauk-pauk seperti makan tengah hari. Entah, mungkin sengaja tidak minum pagi di rumah. Kami masih di Sumbangsih Mulia ketika mereka beredar untuk pulang. Salah seorang daripada mereka berkata, "Hei, esok siapa belanja?"

Lelaki B menjawab, "Aku tah esok, menculik ambuyat katani."

Lelaki A segera mengusik, "Bini boleh dibawa? Sekali sekala, tekaduhung jua udah dapat bahagian za ... kat atu."

Entah serentak dua orang antara mereka berkata, "Ketiga-tiga jua katani dapat!"

"Pertama akal diberikan Tuhan

"Mata dan mulut dijadikan bahan

"Telinga dan hidung serta

"WAKTU berlalu. Setelah berhenti menerima bantuan atas kerelaan diri sendiri maka sejak itu kehidupan orang itu kembali selesa. Dia tidak merungut. Dan keluarganya itu hingga sekarang hidup dalam keadaan yang selesa. Maaf, jika orang itu terbaca kisah ini. Sungguh saya tabik hormat kepadanya. Rezeki kembali berkat!"

kekuatan

Supaya dapat berperusahaan.

Supaya dapat kita berikhtiar

Menurut perintah-Nya janganlah ingkar

Menjalankan usaha berserta sabar

Tawakal kepada Allah-akbar:

Akal diberikan untuk berfikir

Dapat membezakan tanah dan pasir

Membezakan Islam dengannya kapir

Yang mana taat yang mana mungkir:

Arakian, penulis bersama dengan dua orang teman seusaia selepas menuaikan Sembahyang Fardhu Asar Berjemaah di masjid lalu singgah minum petang di kedai makan yang dikendalikan oleh pengusaha India, tetapi lesen kedai makan itu ternyata dimiliki oleh orang katani. Ah, biasalah dan faham-faham sajalah!

Seorang pemuda lingkungan 20-an duduk di meja paling tepi bersama dengan kedua-dua ibu bapanya. Terjadi dialog ini, yang dapat penulis ingat.

"Inda dapat ku ambil tadi 'pa," terang si anak.

"Ngapa kian?" ibunya pula bertanya.

"Orang bank minta surat kebenaran secara hitam putih (bertuliskan) daripada bapa untuk aku dibenarkan ngambil."

"Kau jua menggagahi. Udah pagi antadi kucakap, biar aku sendiri ikut ke bank tapi"

"Udah tah, esok saja katani ngambil. Apa 'kan kau buat dengan duit itu 'kan macam inda ada esok. Baru jua duit itu kena masuk 'kan," rungut sang ibu.

"Eh babu ani. Untuk si Alai beli komputer baru bah. Au ... si Alai inda tia mahu kongsikan dengan komputer mamanya. Komputer kubeli dua tahun dulu atau pun inda tia jua berguna."

Lelaki B terdengar sang bapa beristighfar. Sang ibu juga beristighfar sambil merungut, "Pada hal dua biji sudah ada (laptop)."

"Au, mun macam ani tentu pulang inda katani memohon dulu. Wang zakat bah tu! Ani tah jadinya. Astaghfirullah azim."

Lain pula cerita yang saya dengar dari beberapa teman. Kejadian ini berlaku lebih sepuluh tahun

yang lalu. Sebuah keluarga

yang mempunyai lima orang anak, ketua keluarga yang berumur lebih 40 tahun itu bekerja sendiri. Tiadak berkelarutan hingga beberapa bulan. Kehidupan harianya terjejas.

Ada-ada saja habis begitu saja.

Belum sampai setengah bulan wang di tangan sudah tiada.

dapatannya sudah bertambah, yakni pendapatan asal campur wang bantuan. Entah di mana silapnya. Hal itu berlarutan hingga beberapa bulan. Kehidupan harianya terjejas.

Ada-ada saja habis begitu saja.

Belum sampai setengah bulan wang di tangan sudah tiada.

dapatannya sudah bertambah, yakni pendapatan asal campur wang bantuan. Entah di mana silapnya. Hal itu berlarutan hingga beberapa bulan. Kehidupan harianya terjejas.

Ada-ada saja habis begitu saja.

Belum sampai setengah bulan wang di tangan sudah tiada.

dapatannya sudah bertambah, yakni pendapatan asal campur wang bantuan. Entah di mana silapnya. Hal itu berlarutan hingga beberapa bulan. Kehidupan harianya terjejas.

Ada-ada saja habis begitu saja.

Belum sampai setengah bulan wang di tangan sudah tiada.

dapatannya sudah bertambah, yakni pendapatan asal campur wang bantuan. Entah di mana silapnya. Hal itu berlarutan hingga beberapa bulan. Kehidupan harianya terjejas.

Ada-ada saja habis begitu saja.

Belum sampai setengah bulan wang di tangan sudah tiada.

dapatannya sudah bertambah, yakni pendapatan asal campur wang bantuan. Entah di mana silapnya. Hal itu berlarutan hingga beberapa bulan. Kehidupan harianya terjejas.

Ada-ada saja habis begitu saja.

Belum sampai setengah bulan wang di tangan sudah tiada.

dapatannya sudah bertambah, yakni pendapatan asal campur wang bantuan. Entah di mana silapnya. Hal itu berlarutan hingga beberapa bulan. Kehidupan harianya terjejas.

Ada-ada saja habis begitu saja.

Belum sampai setengah bulan wang di tangan sudah tiada.

dapatannya sudah bertambah, yakni pendapatan asal campur wang bantuan. Entah di mana silapnya. Hal itu berlarutan hingga beberapa bulan. Kehidupan harianya terjejas.

Ada-ada saja habis begitu saja.

Belum sampai setengah bulan wang di tangan sudah tiada.

dapatannya sudah bertambah, yakni pendapatan asal campur wang bantuan. Entah di mana silapnya. Hal itu berlarutan hingga beberapa bulan. Kehidupan harianya terjejas.

Ada-ada saja habis begitu saja.

Belum sampai setengah bulan wang di tangan sudah tiada.

dapatannya sudah bertambah, yakni pendapatan asal campur wang bantuan. Entah di mana silapnya. Hal itu berlarutan hingga beberapa bulan. Kehidupan harianya terjejas.

Ada-ada saja habis begitu saja.

Belum sampai setengah bulan wang di tangan sudah tiada.

dapatannya sudah bertambah, yakni pendapatan asal campur wang bantuan. Entah di mana silapnya. Hal itu berlarutan hingga beberapa bulan. Kehidupan harianya terjejas.

Ada-ada saja habis begitu saja.

Belum sampai setengah bulan wang di tangan sudah tiada.

dapatannya sudah bertambah, yakni pendapatan asal campur wang bantuan. Entah di mana silapnya. Hal itu berlarutan hingga beberapa bulan. Kehidupan harianya terjejas.

Ada-ada saja habis begitu saja.

Belum sampai setengah bulan wang di tangan sudah tiada.

dapatannya sudah bertambah, yakni pendapatan asal campur wang bantuan. Entah di mana silapnya. Hal itu berlarutan hingga beberapa bulan. Kehidupan harianya terjejas.

Ada-ada saja habis begitu saja.

Belum sampai setengah bulan wang di tangan sudah tiada.

dapatannya sudah bertambah, yakni pendapatan asal campur wang bantuan. Entah di mana silapnya. Hal itu berlarutan hingga beberapa bulan. Kehidupan harianya terjejas.

Ada-ada saja habis begitu saja.

Belum sampai setengah bulan wang di tangan sudah tiada.

dapatannya sudah bertambah, yakni pendapatan asal campur wang bantuan. Entah di mana silapnya. Hal itu berlarutan hingga beberapa bulan. Kehidupan harianya terjejas.

Ada-ada saja habis begitu saja.

Belum sampai setengah bulan wang di tangan sudah tiada.

REMAJA

Hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi maka kita akan melabuhkan tirai tahun 1430 Hijrah dan tahun Masihi 2009. Bahtera yang kita naiki sepanjang tahun 1430H dan 2009M ini akan mula mendarat dan menghimpunkan seribu satu macam pengalaman dan laluan kehidupan. Ia akan menjadi ristaan atau sejarah dalam kehidupan setiap diri kita. Selepas ini kita pula akan mula menaiki bahtera kehidupan 1431H dan 2010M. Perjalanan yang agak panjang akan tetapi terlalu cepat dan pantas berlalu. Ramai kalangan kita akan merasakan pantas tewasnya kehidupan sepanjang tahun 1430H dan 2009M yang lalu. Ada orang suka membuat analisis pencapaian ada pula yang acuh tak acuh, selamba sahaja macam biasa dan rutin dilalui.

Tidak kurang juga yang membuat persiapan terbaru, menjelang tirai tahun baru menyingsing untuk membuka lembaran kehidupan ke hadapan. Itulah yang kita lalui. Maknanya usia kita semakin bertambah dan titiannya pula semakin pendek perjalannnya. Mudah-mudahan ini akan menyuntik kesedaran di kalangan kita semua terutama sekali orang-orang muda kita. Mereka akan berhadapan dengan berbagai fenomena kehidupan yang berhiaskan tekonologi maklumat yang tinggi. Semua orang mengharapkan terutama sekali ibu bapa, agar anak-anak mereka akan terus melalui kehidupan mendatang ini dengan penuh keyakinan diri dan iltizam yang tinggi. Tinggi dari segi daya saing, tinggi dari segi membina kekuatan beragama dan amalannya, tinggi dari segi kemahiran dan kecekapan diri dan paling penting tinggi dan berkualiti disiplin diri.

HADAPI CABARAN

Ramai yang dapat merasakan pada tahun baru ini nanti akan merupakan tahun yang dijangkakan mengalami banyak perkembangan dan perubahan sejagat terutama sekali iklim persekitaran, yang mana ramai yang mengharapkan akan lebih baik dari tahun yang akan kita tinggalkan. Begitulah juga harapan kita semua semoga ianya akan menjadi realiti dan dapatlah kita menggerakkan dan melaksanakan sebarang kegiatan dengan lebih baik dan selesa. Sementangnya kita tidak akan henti-hentinya untuk terus menggerakkan dan melaksanakan sebarang kegiatan yang melibatkan kita secara langsung ataupun tidak. Soalnya sejauh mana ia nya mampu kita lakukan dengan sebaiknya terpulang kepada cara dan masing-masing kita berperanan. Namun kita yakini semua akan siap untuk melangkah dan mengharungi tahun berikutnya ini dengan kekuatan iltizam dan motivasi yang tinggi.

MELABUH TIRAI 1430 HIJRIAH DAN 2009 MASIHI

OLEH : H. A MANAP

merupakan suatu perkara yang dapat dilaksanakan dengan semudahnya, akan tetapi kita perlu melihat di mana dan bagaimana peluang seumpama ini boleh dimanfaatkan untuk dijadikan keuntungan atau ruang yang mengorak kelebihan.

GUNAKAN KELEBIHAN DIRI

Kelebihan pada diri, kelebihan pada daya fikir, kelebihan pada daya kreativiti dan kelebihan pada daya kemahiran yang kita miliki semestinya kita gunakan dengan sebaiknya. Ia perlu diadun untuk dijadikan sebagai ramuan yang akan menghidupkan semangat untuk kuat beramal, kuat berkerja dan berusaha untuk melahirkan sesuatu yang memberi keuntungan besar pada agama, diri seseorang, masyarakat dan negara. Kalau dalam tempoh setahun yang akan kita tinggalkan ini, kita tidak dapat mem 'blend' keupayaan kita dengan lebih baik dan cemerlang, maka mulai dari saat ini kita hendaklah siap untuk mencaturkan bagaimana ia perlu digembeling untuk menghasilkan sesuatu yang lebih berfaedah. Cara berfikir tidak boleh terkongkong ia perlu dibuka dengan seluasnya. Namun cara kita membuka dan melebarkan fikiran haruslah berbekalkan ilmu dan kemahiran.

Mungkin ramai yang sudah menyediakan mekanisme yang akan digunakan untuk meningkatkan dan menambahkan lagi produktiviti dan juga pencapaian diri. Meskipun pada hakikatnya kita tidak akan 'tuhus' untuk berdepan dengan suasana dan keadaan yang amat mengejutkan. Namun cabaran dan keadaan yang ada ini, perlu kita manfaatkan sebagai peluang yang akan memberikan kesempatan untuk kita dapat menyumbangkan sesuatu. Merubah keadaan rumit kepada peluang yang baik bukan

Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Di sana ada hikmah besar yang meliputi nilai diri, pengorbanan dan was-wasan yang cukup lengkap dalam memandu arah generasi di zamannya dan akan datang.

Justeru kita mesti berani mewujudkan pembaharuan dan kita harus melangkah ke hadapan dengan lebih pantas agar kita dapat menemui kecemerlangan. Sesuatu kesilapan dan kelemahan yang pernah kita lalui tidak boleh kita jadikan sebagai asas yang akan melemahkan semangat kita untuk berubah. Kita perlu berani menghadapi cabaran dengan berbekalkan inovasi dan daya kreativiti yang tinggi. Pandangan ke hadapan perlu kita jadikan sebagai mekanisme untuk menyediakan 'platform' yang bergerak ke arah yang lebih positif dan berfaedah. Cara berfikir tidak boleh terkongkong ia perlu dibuka dengan seluasnya. Namun cara kita membuka dan melebarkan fikiran haruslah berbekalkan ilmu dan kemahiran.


HARAPAN KITA

Mudah-mudahan dengan adanya langkah yang kita mulakan ditahun baru 1431H dan 2010M ini akan memberikan rangsangan dan suasana baru pada diri kita.

Kita mesti menaruh keyakinan bahawa perubahan boleh berlaku dalam masa yang singkat. Soalnya kitalah yang akan mencorakkan perubahan tersebut. Kita perlu belajar berkongsi ilmu dan kemahiran dengan orang disekeliling kita. Kita perlu belajar untuk memahami kenapa orang lain boleh berjaya dalam waktu yang sesingkatnya. Kita perlu belajar mengetahui kenapa orang lain dapat dan mampu mencapai kecemerlangan sedangkan kita juga boleh berbuat demikian tetapi masih terlaksana. Kita juga mesti belajar memerhatikan dan memikirkan apakah rasionalnya untuk seseorang itu membuat perubahan. Perubahan ini penting kerana ia dapat mengumbang semangat baru, ia boleh

ALAI PINTAR

ALAI PINTAR melalui ruangan kali ini menampilkan 'Alat Muzik Tradisional' orang-orang Brunei kitani bagi pengetahuan generasi muda pada masa ini.



PELITA BRUNEI Akbar Rajin membaca luas pengetahuan

Borang jawapan Alai Pintar 876

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Soalan Alai Pintar 876

APAKAH nama 'Alat Permainan Muzik Tradisional' orang-orang Brunei seperti yang ada di dalam gambar di atas ?

SYARAT PERADUAN

JIKA alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.

Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.

Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

Pemenang bagi soalan

Alai Pintar 876 keluaran 2 Disember 2009

PELITA BRUNEI,

TIADA PEMENANG

Jawapan Soalan Alai Pintar 875 keluaran 2 Disember 2009 ialah :

BANGSI

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Hantarkan borang jawapan Alai :

Kepada,
Ruang Alai Pintar 876
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

**ALAI DIALUKAN-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN
RUJUKAN JABATAN PENERANGAN**

**TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR),
BAHAGIAN PENTADBIRAN (BP)
JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

BAHAGIAN I

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Permohonan cuti	5 Hari
2.	Menjawab persuratan orang ramai dan memo ke Kementerian / Jabatan berkenaan	5 Hari

BAHAGIAN II

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Permohonan elau-elau dihadapkan ke Jabatan Perbadanan	5 Hari
2.	Tuntutan-tuntutan dihadapkan ke Jabatan Perbadanan	5 Hari
3.	Permohonan ke luar negeri	1 Hari

**TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR),
BAHAGIAN MAKLUMAT PERANCANG (BMP)
JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

BAHAGIAN I

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Melayan aduan kerosakan dan pemeriksaan	2 Hari

Kebawah DYMM berangkat ke Forum Demokrasi Bali II



Laporan :
Zabaidah Haji Salat
Foto : Hernie Suliana
Haji Othman
dari Bali, Republik
Indonesia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Forum Demokrasi Bali Ke-2 (FDB 2) dan Perdebatan Umum berlangsung di Denpasar, Bali, Republik Indonesia pada 10 Disember lalu.

Forum ini telah mempertemukan para pemimpin dan para menteri dari 36 buah negara dari Asia, Pasifik, Eropah dan Amerika. Ianya adalah lanjutan dari FDB 1 yang diadakan pada tahun lalu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia antara ketua negara yang diundang khas oleh Republik Indonesia dan seterusnya berkenan mengurnikan titah di Sesi Perdebatan Umum.

3. **KEBAWAH DYMM** bersama Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Hatoyama Yukio; Perdana Menteri Timor Leste, Tuan Yang Terutama Xanana Gusmao dan Menteri Luar Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. M. Marty Natalegawa ketika menyaksikan Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. H. Susilo Bambang Yudhoyono memukul gong merasmikan FDB 2.

4. **BAGINDA** ketika berinteraksi bersama Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. H. Susilo Bambang Yudhoyono.

5. **BAGINDA** berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari dihoskan oleh Presiden Republik Indonesia.

6. **SEBAHAGIAN** para pemimpin yang hadir di FDB 2.

7. **BAGINDA** ketika berangkat ke FDB 2.

**"DENGAN adanya semua ini,
keseluruhan rakyat dan kehidupan
masyarakat tidak akan hilang, tetapi akan
berkekalan dan saling
hormat-menghormati dan seterusnya
kestabilan sosial dan muhibah
antara satu sama yang lain
akan terus terjalin. " - Titah**



1. KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bergambar ramai bersama para pemimpin sempena Forum Demokrasi Bali Ke-2 (FDB 2).

2. KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berangkat ke FDB 2.



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

BILANGAN 343

BAHAGIAN AKHIR

Didahului Dengan Puasa Tasu'a (9 Muharram)

BAGI orang yang hendak berpuasa sunat pada hari 'Asyura' sunat mendahuluinya dengan berpuasa pada hari Tasu'a' iaitu pada 9 Muharram.

Hikmah di sebalik mendahuluinya dengan berpuasa pada hari Tasu'a' ialah:

- a. Sebagai langkah berhati-hati pada pengiraan awal bulan Muharram. Ini kerana ditakuti jika berlaku semakinan sahaja hari yang dikira sebagai Tasu'a' adalah sebetulnya hari 'Asyura'.
- b. Agar umat Islam tidak menyerupai orang Yahudi yang berpuasa pada hari 'Asyura' sahaja.
- c. Menyambung puasa hari 'Asyura' dengan satu hari puasa yang lain kerana tegahan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam berpuasa satu hari satut-satunya sahaja seperti berpuasa pada hari Jumat. Walaupun begitu, tidaklah menjadi apa-apa jika

Ketahuilah Amalan Yang Disunatkan Pada 10 Muharram

ka hanya berpuasa sehari sahaja pada hari 'Asyura'.

Meneruskan Puasa Hingga 11 Muharram

Apabila seseorang melaksanakan puasa hari 'Asyura', sunat juga menggandingkannya dengan berpuasa pada 11 Muharram, walaupun dia tidak melakukan puasa hari Tasu'a'. Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: "Puasalah kamu pada hari 'Asyura' dan janganlah kamu menyerupai padanya dengan orang Yahudi. Puasalah kamu (dengan puasa 'Asyura) sehari sebelumnya atau sehari selepasnya."

(Hadis riwayat al-Baihaqi).

Berdasarkan penjelasan di atas, terdapat beberapa cara melakukan puasa hari 'Asyura' iaitu:

- i. Berpuasa pada hari 'Asyura' sahaja.

ii. Berpuasa pada hari Tasu'a' (9 Muharram) dan pada hari 'Asyura'.

iii. Berpuasa pada hari 'Asyura' dan pada 11 Muharram.

iv. Berpuasa pada hari Tasu'a' (9 Muharram), hari 'Asyura' dan 11 Muharram. Gandingan berpuasa tiga hari ini (9,10,11 Muharram) adalah digemari sebagaimana yang disebutkan oleh Imam asy-Syafi'e Rahimahullah.

2. Menyenangkan hati kaum keluarga

Selain daripada melakukan puasa pada hari 'Asyura', orang Islam juga disunatkan menyenangkan dan menggembirakan hati kaum keluarga.

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhу, Rasulullah Shal-

lallah 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: "Barangsiapa yang melapangkan (menyenangkan) keluarganya pada hari 'Asyura, Allah akan melapangkan rezekinya sepanjang tahun."

(Hadis riwayat al-Baihaqi).

Apa yang dimaksudkan dengan 'melapangkan' atau 'menyenangkan' di dalam hadis di atas adalah berbelanja pada makanan dan minuman lebih daripada hari biasa serta menggembirakan anak-

anak contohnya dengan menghulur belanja lebih dan yang seumpamanya.

lainkan pada hadis-hadis dhaif, munkar dan maudhu'.

Marilah kita bertekad untuk mengisi hari 'Asyura' yang datang sekali setahun di bulan Muharram ini dengan mengambil ikhtiar peristiwa yang berlaku pada tarikh tersebut dan melaksanakan apa yang dianjurkan oleh syariah.

Adapun apa yang selain daripada dua perkara di atas seperti sembahyang malam 'Asyura', mandi hari 'Asyura', bercelak mata dan yang lainnya tidaklah ada disebut me-

APA yang dimaksudkan dengan 'melapangkan' atau 'menyenangkan' di dalam hadis di atas adalah berbelanja pada makanan dan minuman lebih daripada hari biasa serta menggembirakan anak-anak contohnya dengan menghulur belanja lebih dan yang seumpamanya.

ALLAH Subhanahu Wata'ala yang Maha Berkusa telah menciptakan alam semesta dengan begitu sempurna, dikhusruskan untuk keperluan hidup makhluk-Nya di bumi yang indah ini. Dengan peredaran serta pusingan planet bumi, bulan dan bintang-bintang itu, maka wujudlah perkiraan masa atau zaman, dua belas bulan dalam satu tahun.

Muharram adalah bulan pertama dalam sistem kalender Islam (Hijrah) yang juga turut dikenali sebagai Awal Muharram. Perkara yang paling penting di dalamnya adalah mengingatkan umat Islam kepada peristiwa penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah. Muharram bukan sekadar bulan bagi permulaan tahun dalam kalender Islam, sebaliknya termasuk dalam kumpulan empat bulan paling diberkati dan dimuliakan Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam Surah At Taubah ayat 36 tafsirnya:

"Sesungguhnya bilangan bulan-bulan pada sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam kitab Allah semasa Dia mencipta langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati (iaitu Zulkaedah, Zulhijah, Muharram dan Rejab)."

Yang dimaksudkan bulan yang dihormati dalam segala aspek iaitu bulan yang mengikut riwayat sahih ialah Zulkaedah, Zulhijah, Muharram dan Rejab.

Bukan bermakna bulan lain tidak dihormati, tetapi keberkatan Allah turun pada empat bulan itu.

Muharram membawa maksud 'diharamkan' atau 'dipantang', iaitu Allah melarang melakukan perang atau penumpahan darah. Bulan itu penuh dengan peristiwa dalam sejarah tamadun Islam. Selama 30 hari itu penuh dengan pelbagai keistimewaan. Teristimewa adalah sepuluh hari pertama. Banyak peristiwa berlaku sejak zaman-berzaman dalam sejarah Muharram yang dikenali dengan nama Asyura. Beberapa perkara penting berlaku pada Muharram mengikut pandangan cendekiahan ilmu dalam, termasuk bulan ini Allah mencipta syurga dan bumi, menyelamatkan Nabi daripada kezaliman musuh dan mencipta Nabi Adam Alaihissalam.

Antara yang disunatkan pada bulan Muharram :

* Berpuasa : **Maksud** hadis: "Barangsiapa berpuasa satu hari dalam bulan Muharram pada halanya seumpama berpuasa 30 tahun." "Barangsiapa yang berpuasa tiga hari dalam bulan Muharram, iaitu hari Khamsi, Jumaat dan Sabtu, Allah tulis padanya pahala seperti mana beribadat selama dua tahun."

* Banyakkan amal ibadat seperti solat sunat, zikir dan sebagainya.

* Berdoa akhir tahun pada hari terakhir bulan Zulhijah selepas Asar sebanyak tiga kali.

* Berdoa awal tahun pada 1 Muharram selepas Maghrib tiga kali.

Di kalangan masyarakat di negara ini sering kali menyambut kedatangan awal tahun dengan gemira dan meriah sekali. Ianya adalah saat-saat yang ditunggu oleh masyarakat untuk menyambut kedatangannya dengan pelbagai cara ataupun mengadakan majlis yang tertentu dan juga menjadikan satu alasan untuk membuat azam atau semangat baru di dalam pelbagai aspek. Akan tetapi sambutan kedua-dua tahun baru iaitu tahun Hijrah dan tahun Masihi adalah amat ketara sekali perbezaannya. Kedua-dua tarikh tersebut mempunyai sejarahnya yang tersendiri dan adakalanya

digabungkan dalam satu kalender untuk digunakan oleh masyarakat.

Sejarah tahun Hijrah berdasarkan kepada penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah. Ianya sangat terkenal dalam masyarakat dan dunia Islam dan dijadikan satu syiar bagi umat Islam semenjak pengisytiharan Sayidina Umar ibnu Al-Khattab Radiallahuanhu mengenai awal tahun Hijrah. Maknaka tahun Masihi pula dikenali oleh masyarakat antarabangsa yang bukan beragama Islam di seluruh dunia dan menjadikan awal tahunnya sebagai hari kebesaran dan dirayakan dengan pelbagai acara-acara yang boleh mendatangkan kemakmuran dan kemungkaran.

Agama Islam tidak melarang atau menghalang kepada umat Islam di dalam penggunaan tarikh atau kalender Masihi akan tetapi janganlah kita terlalu asyik menyambut kedatangan awal tahun Masihi dengan pesta yang selalu diamalkan oleh budaya Barat seperti pesta makan minum, diiringi dengan nyanyian, tarian dan lain-lain acara yang menyebabkan pergaulan bukan muhrim yang terlalu bebas di antara lelaki dan perempuan, sehingga boleh hanyut ke lembah kemaksiatan. Perkara ini haruslah diambil berat kerana ianya tidak sesuai malah dilarang di dalam agama kita iaitu agama Islam.

Sudah jelas pesta atau sambutan berbentuk begitu hanya dilakukan oleh masyarakat bukan Islam yang bercorakkan agama mereka sendiri. Oleh itu kita sebagai umat Islam tidak boleh turut

sama membesarakan kedatangan awal tahun Masihi seperti mana orang bukan Islam membekalkannya, kerana dikuatir akan membawa *tasyabbuh* (penyerupaan) dari segi budaya tujuan dan akidah mereka yang beragama selain dari agama Islam. Diriwayatkan daripada Abu Daud, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kira-kira bermakna :

"Barangsiapa yang menyerupai sesuatu kaum itu, maka dianggap salah seorang dari kalangan mereka."

Namun ada baiknya kita menyambut kedatangan awal tahun itu dengan doa dan sembahyang sunat seperti menyambut awal tahun Hijrah agar kita diberkati dalam apa jua perkara yang kita lakukan sepanjang tahun. Awal tahun Hijrah iaitu awal Muharram adalah salah satu dari hari-hari kebesaran Islam yang dihormati dan mengandungi kemuliaan dan kelebihan yang tersendiri seperti bulan-bulan Hijrah yang lain.

Para pelanggan yang berhasrat untuk berurusan dengan kaunter pembayaran atau kaunter pembelian kupon-kupon Meter Pra-bayar, adalah dinasihatkan supaya akan dapat berurusan sebelum tarikh-tarikh pembelian. Bagi pelanggan Meter Pra-bayar sila pastikan kredit awda mencukupi semasa hari tersebut. Jabatan memohon maaf di atas sebarang ketidaksesuaian.

BILANGAN TAWARAN : JL/4/2009

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong tempatan bagi tawaran **'DOCKING AND INSPECTION OF UNDERWATER AREA OF TANJUNG SEMASTA'**, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Serasa, Muara, Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen lengkap tawaran boleh didapat dengan bayaran Yuran Dokumen sebanyak **\$10.00** (tidak dikembalikan) semasa waktu bekerja dari PEJABAT PENGARAH LAUT, JABATAN LAUT, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN, SERASA, MUARA BT 1728, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.


3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) tanpa menyatakan nama pemborong yang bertanda **'DOCKING AND INSPECTION OF UNDERWATER AREA OF TANJUNG SEMASTA'** di bahagian atas sebelah kiri dan dihantar kepada alamat berikut:-

**PENGURUSI,
LEMBAGA TAWARAN KECIL,
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN,
JALAN MENTERI BESAR,
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Tidak lewat Jam 2.00 petang, Hari Selasa, 22 Disember 2009

4. Pemborong yang berjaya akan menjalankan kerja-kerja berkenaan dalam tempoh 3 (Tiga bulan sahaja mulai dari tarikh dianugerahkan tawaran).

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima sebarang tawaran yang tertinggi atau apa-apa jua bentuk tawaran.


**IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7(a)
DARIPADA PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
(LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT),
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI-PEGAWAI
KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**TARIKH IKLAN: 16 DISEMBER 2009
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 6 JANUARI 2009
BILANGAN IKLAN: 50/12/09 (SPA/BMI)**

PERATURAN 7(a)
Syarat-Syarat Am:

- a) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- c) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- d) Cara permohonan – Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.

1. ARKITEK
JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

- a)i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang *Architecture*; atau kelulusan sebanding dalam bidang yang sama yang diiktiraf dari Royal Institute of British Architect.
- Kelulusan lebih tinggi dalam bidang sama adalah kelebihan.
- ii) Keutamaan untuk pemohon-pemohon yang menjadi ahli badan Arkitek berdaftar seperti R.I.B.A Part 1 atau institusi sebanding.

ATAU

- iii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perancangan Alam Sekitar; atau kelulusan sebanding dalam bidang yang sama dan berpengalaman dalam kerja-kerja perancangan perlaksanaan dan penyeliaan-penyeliaan ke atas Rancangan Perumahan Awam di negara-negara tropika tidak kurang dari 10 tahun adalah kelebihan.

2. PEGAWAI PERKAMUSAN KANAN
JABATAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

- a)i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang Pengajian Bahasa atau bidang bersesuaian, atau kelulusan sebanding dalam bidang yang sama.
- Kelulusan lebih tinggi dalam bidang sama adalah kelebihan.

ATAU

- ii) Berkhidmat di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai Pegawai Perkamusan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- iii) Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun.
- b) Mahir membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Jawi adalah keutamaan.
- c) Berpengetahuan asas dalam bahasa lain adalah kelebihan.
- d) Minat dalam kerja-kerja penyelidikan terutamanya dalam bidang bahasa dan sastera.
- e) Pengalaman dalam kursus intensif yang ada hubungan dengan kebahasaan dari Universiti yang diiktiraf adalah kelebihan.

3. PENOLONG PEGAWAI INSURAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

- a)i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang *Insurance / Banking / Finance / Accounting*, atau bidang bersesuaian atau kelulusan sebanding dalam bidang-bidang yang sama.
- Kelulusan lebih tinggi dalam bidang-bidang sama adalah kelebihan.

ATAU

- ii) Berkhidmat di Bahagian Institusi Kewangan, Kementerian Kewangan sebagai Penolong Pengawas Syarikat-Syarikat Insurans dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii) Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

4. PENGAWAS TINGKAT I
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
D.4 EB.5 (\$1,225 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN=4

KELAYAKAN MINIMUM:

- a)i) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) dalam bidang bersesuaian; atau kelulusan sebanding dalam bidang yang bersesuaian.
Kelulusan lebih tinggi dalam bidang bersesuaian adalah kelebihan.
- ii) Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pengawas Tingkat II atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- b) Berpengalaman dalam kerja-kerja mengawasi buruh-buruh dan pemandu-pemandu adalah kelebihan.

ATAU

- i) Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pengawas Tingkat I atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- ii) Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pengawas Tingkat Biasa (ND) dalam bidang bersesuaian; atau kelulusan sebanding dalam bidang yang bersesuaian.
Kelulusan lebih tinggi dalam bidang bersesuaian adalah kelebihan.

5. TUKANG KAYU / HANDYMAN
JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
D.1-2 EB.3 (\$530- \$1,125 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

- a)i) Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa, atau kelulusan sebanding.
- ii) BDTVEC/BTEC National Trade Certificate Grade 2 (NTC2) dalam bidang pertukangan kayu (craft) atau bidang bersesuaian, atau kelulusan sebanding dalam bidang yang sama.
Kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan.
- iii) Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Tukang Kayu atau jawatan berkaitan dalam tanggagaji Bahagian V tidak kurang dari 7 tahun.
- b) Berpengalaman dalam hal kerja-kerja yang berkaitan seperti membaki kerosakan kecil / bangunan dan pernah menjalankan tugas sebagai Tukang Kayu / Handyman adalah kelebihan.

ATAU

- i) Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Tukang Kayu atau jawatan berkaitan dalam tanggagaji Bahagian V tidak kurang dari 7 tahun.
- ii) BDTVEC/BTEC National Trade Certificate Grade 2 (NTC2) dalam bidang pertukangan kayu (craft) atau bidang bersesuaian, atau kelulusan sebanding dalam bidang yang sama.
Kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan.
- iii) Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Tukang Kayu atau jawatan berkaitan dalam tanggagaji Bahagian V tidak kurang dari 7 tahun.

6. TUKANG MASAK ASRAMA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
F.3-4 EB.5 (\$550 - \$700 SEBULAN)
KEKOSONGAN=7

KELAYAKAN MINIMUM:

- a)i) BDTVEC/BTEC National Trade Certificate Grade 3 (NTC3) dalam bidang *Basic Cookery / Basic Food and Beverage Services*; atau kelulusan sebanding dalam bidang yang sama.
Kelulusan lebih tinggi dalam bidang sama adalah kelebihan.
- ii) Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Tukang Masak atau jawatan berkaitan dalam tanggagaji F1 tidak kurang dari 3 tahun.
- b) Kelayakan tambahan dalam bidang masakan dan boleh memasak berbagai hidangan adalah kelebihan.
- c) Mempunyai pengetahuan agama Islam dan boleh membaca Al-Quran dengan baik adalah kelebihan.
- d) Berkebolehan membaca dan menulis jawi serta boleh bertutur dan faham Bahasa Inggeris adalah kelebihan.

ATAU

- i) Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan berkaitan dalam tanggagaji F1 tidak kurang dari 3 tahun.
- ii) Boleh menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
- iii) Boleh membaca tulisan Cina adalah kelebihan.
- d) Mempunyai lesen memandu Kelas 1 dan 3 yang sah. Mempunyai kelas memandu Kelas 4 ke atas adalah kelebihan.

7. POSMEN
JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
F.2-3-4-5 EB.6 (\$495 - \$790 SEBULAN)
KEKOSONGAN=3

KELAYAKAN MINIMUM:

- a)i) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau kelulusan sebanding.
Kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan.
- ii) Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan berkaitan dalam tanggagaji F1 tidak kurang dari 3 tahun.
- b) Boleh menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
- c) Boleh membaca tulisan Cina adalah kelebihan.
- d) Mempunyai lesen memandu Kelas 1 dan 3 yang sah. Mempunyai kelas memandu Kelas 4 ke atas adalah kelebihan.

ATAU

- i) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau kelulusan sebanding.
Kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan.
- ii) Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan berkaitan dalam tanggagaji F1 tidak kurang dari 3 tahun.
- iii) Boleh menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
- iv) Boleh membaca tulisan Cina adalah kelebihan.
- v) Mempunyai lesen memandu Kelas 1 dan 3 yang sah. Mempunyai kelas memandu Kelas 4 ke atas adalah kelebihan.

**TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN
BAGI BILANGAN 1 HINGGA 7:**

PENYAMBUT TETAMU TINGKAT 1
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
BANGUNAN SPA, LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TEL NO: 2381961/2383455 (BHG. IKLAN)

PEMBERITAHUAN:

1. Semua permohonan adalah melalui pengisian borang SPA1 atau SPA2 kecuali dimaklumkan sebaliknya.
2. Bagi iklan jawatan **bilangan 1 hingga 7** isikan satu (1) salinan sahaja borang **SPA1** atau **SPA2**.
3. Borang SPA1 dan SPA2 boleh didapat di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan **bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah**.
4. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil **Kerajaan**).
5. Pegawai-Pegawai Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:
 - a. **Laporan Sulit** mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
 - b. **Tahap Penilaian Prestasi** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatan bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun (borang Penilaian Prestasi tidak perlu disertakan);
 - c. **Rekod Perkhidmatan**.
6. Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun, hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
7. Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun, hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** selama tempoh perkhidmatannya.
8. Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh **dua (2) tahun berturut-turut**.
9. Permohonan yang diterima lewat daripada **6 JANUARI 2009** tidak dilayan.
10. Tugas dan tanggungjawab jawatan boleh diperolehi daripada Kementerian/Jabatan di mana terdapat kekosongan jawatan tersebut atau di tempat menghantar borang permohonan.
11. Bilangan kekosongan jawatan adalah betul semasa dicetak. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai sebarang perubahan bilangan kekosongan dalam tempoh iklan dibukakan melalui cara berikut;
 - Menelefon 2381961 Sambungan 530/537 atau 2383455 (Bahagian Iklan);
 - Melihat Papan kenyataan Tingkat I, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
 - Melayari laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Iklan Jawatan Kosong) iaitu <http://www.spa.gov.bn/>
12. Maklumat mengenai iklan-iklan jawatan kosong serta borang-borang permohonan juga boleh diperolehi di Pejabat-Pejabat Kerajaan dan pusat awam seperti berikut:
 - Pejabat Daerah Belait;
 - Pejabat Daerah Temburong;
 - Pejabat Daerah Tutong;
 - Jabatan Buruh, Bhg. Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan, Tingkat 4, Jalan Menteri Besar.

Kapal persiaran 'SY Jenny' dilancarkan

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN. - Dream Charters melancarkan kapal persiarannya yang kedua, 'SY Jenny' bagi memenuhi permintaan pelanggan yang meningkat sejak ia mula beroperasi sepuluh bulan yang lalu.

Pelancaran kapal tersebut disempurnakan oleh

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mu-dim Dato Paduka Haji Abu Bakar.

Dream Charters merupakan sebuah syarikat yang berdaftar dengan Jabatan

Kemajuan Pelancongan Brunei adalah di bawah pengurusan Syarikat Sakam Enterprise telah menawarkan beberapa pakej dengan harga yang berpatutan.

Antara pakej yang dijangka dapat menarik lebih ramai pelancong berpersiaran di Sungai Brunei ialah Trip Keluarga, Sunset Tour, perjalanan ke negara jiran dan juga Day Sailing.

Majlis pelancaran yang berlangsung di Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer turut disaksikan oleh Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah bin Haji Abd. Wahab dan Setiausaha Tetap kementerian berkenaan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya ketika menaiki kapal persiaran 'SY Jenny' - Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid

12 delegasi Kunming mengadakan kunjungan hormat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah bin Haji Abd. Wahab pagi ini menerima kunjung hormat 12 delegasi dari Kunming, Wilayah Yunan, Republik Rakyat China.

Rombongan yang diketuai oleh Presiden Persatuan Masyarakat Perbandaran Kunming Untuk Persahabatan Dengan Negara Luar, Tuan Yang Terutama Qiu He itu berada di negara ini untuk meneroka bidang-bidang pelaburan dan perniagaan serta perkongsian ekonomi antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.

Delegasi itu juga disertai enam pe-

niaga diketuai oleh Naib Setiausaha Agung, Kerajaan Tempatan Rakyat Kunming, Wang Xu Zheng.

Dalam usaha mempromosikan kedua-dua buah negara kepada para pelabur, kunjungan hormat pagi itu diuruskan dengan taklimat dari Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan Promosi dan Fisilitasi, Jabatan Pembangunan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Biro Perbandaran Bagi Promosi Pelaburan Kunming.

Sesi perjumpaan tertutup itu diharapkan dapat membawa hasil dalam masa terdekat.

Delegasi tersebut mengadakan lawatan dua hari ke negara ini.

100 pegawai dan kakitangan JPM ikuti Taklimat Skim SCP

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

RIMBA. - Kementerian Kewangan meneruskan siri taklimat mengenai Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP) untuk memberikan kefahaman dan maklumat kepada orang ramai.

Kira-kira 100 pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengikuti taklimat tersebut di Dewan Penghayatan, Institut Perkhidmatan Awam.

Hadir pada taklimat berkenaan, Setiausaha Tetap JPM, Awang Haji Morni bin Haji Mohamed.

Taklimat SCP disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan (Dasar dan Pentadbiran), Awang Yusof bin Haji Abdul Rahman.

Skim SCP ini diperkenankan melalui tital Kebawah Duli Yang Maha



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan (Dasar dan Pentadbiran), Awang Yusof bin Haji Abd. Rahman semasa menyampaikan taklimat mengenai Skim Persaraan Caruman Tambahan di Dewan Penghayatan, Institut Perkhidmatan Awam. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada 14 Julai lepas dan akan berkuat kuasa bermula 1 Januari tahun depan.

SCP merupakan Skim Persaraan Tambahan kepada Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) yang dilaksanakan pada masa ini.

Objektif utama skim ini adalah untuk memastikan

semua peserta Skim SCP yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan menerima bayaran pendapatan bulanan minimum sebanyak BND150 setelah mencapai umur persaraan mandatori genap umur 60 tahun.

Skim ini menjamin pesara mendapat bayaran minimum sebanyak BND150 dicampur dengan bayaran pencen tua (OAP) sebanyak BND250 yang dihu-

lurkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada masa ini.

Para pesara akan menerima pendapatan bulanan keselesaian minimum sebanyak BND400.

Selain dari itu, Skim SCP ini juga memberikan pembayaran manfaat 'survivorship' bagi menjamin kesejahteraan tanggungan sekiranya pesara meninggal dunia sebelum bersara mandatori.

Mesyuarat Program Kerjasama MOU RTB / RRI

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN. - Hubungan dua halal dalam bidang penyiaran antara Negara Brunei Da-



PENOLONG Ketua Bahagian Radio, Awang Haji Ali bin Haji Aji ketika mempergerusikan Mesyuarat Program Kerjasama Memorandum Persefahaman di antara Radio Televisyen Brunei (RTB) dengan Radio Republik Indonesia di Bilik Mesyuarat RTB. - Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

russalam dan Republik Indonesia terus dipertingkatkan bagi kepentingan kedua-dua buah negara.

Ke arah itu, Mesyuarat Bagi Program Kerjasama Memorandum Persefahaman di antara Radio Televisyen Brunei (RTB) dengan Radio Republik Indonesia (RRI) berlangsung baru-baru ini di Bilik Ilizitam, bangunan RTB, di ibu negara.

Mesyuarat yang dipegang bersama oleh Penolong Ketua Bahagian Rancangan Radio, RTB, Awang Haji Ali bin Haji Aji dan Pengarah Program dan Produksi RRI, Ning Supratmanto antara lain membincangkan bagi pernberitan rancangan-rancangan radio termasuk berpantun yang akan disiarkan pada Hari Raya Aidiladha 1430 Hijriah dan drama yang akan diterbitkan sempena Awal Tahun Baru Hijriah 1431.

UCAPAN alu-aluan Ketua Pemuliharaan dan Efisiensi Tenaga di Bahagian Tenaga, Awang Ahmad bin Haji Mohammad. - Foto : Ak. Amrulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 November. - Bahagian Tenaga di Jabatan Perdana Menteri bersama Pusat Tenaga ASEAN (ACE) dan Pusat Pemuliharaan Tenaga Jepun (ECCJ) telah menganjurkan Program Promosi Efisiensi dan Konservasi Tenaga (PROMEEC) Ke-2 di Hotel Plaza Kiulap.

Seramai 44 peserta terdiri daripada pegawai-pe-gawai kerajaan dari kementerian-kementerian di negara ini dan syariah-kayakat swasta mengikuti program yang diadakan selama tiga hari itu

bermula hari ini hingga 18 November 2009.

Ketua Pemuliharaan dan Efisiensi Tenaga di Bahagian Tenaga, Awang Ahmad bin Haji Mohammad dalam ucapan alu-aluananya berkata, audit tenaga yang telah dijalankan di negara menunjukkan terdapat beberapa potensi besar untuk penjimat-an-penjimat-an tenaga sehingga 30 peratus dan boleh dicapai dengan tiada kos atau pelaburan tenaga rendah.

Orang-orang persendirian dan peniaga-peniaga katanya, boleh menjimatkan perbelanjaan seandainya tenaga digunakan dengan sebaik mungkin dan bertanggungjawab.

Program bertujuan untuk

mendidik dan melatih para peserta mengenai pengurusan tenaga berdasarkan Buku Panduan Pengurusan Energi yang dikeluarkan oleh ECCJ.

Konsep pengurusan tenaga tersebut merupakan sistem bagi setiap organisasi untuk menguruskan sumber-sumber tenaga di dalam pemakaian yang ef-

Penghakiman Anugerah Kampung Cemerlang

TEMBURONG, Rabu, 2 Disember. - Sebanyak lima buah Majlis Perundingan Kampung (MPK) di Daerah Temburong yang terdiri MPK Senukoh, MPK Batu Apoi, MPK Belingos, MPK Sibut dan MPK Belais dan Buda-Buda bersaing dengan MPK lain di seluruh negara menerusi Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan bagi Daerah Temburong.

Penghakiman Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan bagi Daerah Temburong dijalankan selama dua hari bermula kelmarin dengan penghakiman diketuai oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mawardi bin Haji Abdullah.

Sejumlah tujuh kriteria utama dinilai semasa peng-

Berita dan Foto :
Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

hakiman dijalankan iaitu aspek pengurusan dan pentadbiran, aspek perekonomian (produk kampung / sumber kekayaan kampung), aspek mesra alam, kebersihan, keindahan, penjimatkan tenaga dan keceriaan, aspek projek dan aktiviti, aspek keselamatan, kebaikan dan kema-

syarakan, aspek keagamaan, serta aspek kemahiran, pendidikan dan info komunikasi.

Penganugerahan Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan dijangka akan diadakan pada bulan Februari 2010.



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mawardi, mengetua penghakiman Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan Bagi Daerah Temburong.

Stres, tekanan dan kemurungan rujuk dengan pakar



KETUA Unit Kaunseling, Jabatan Pentadbiran dan Keuangan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Haji Sabtu bin Pengiran Haji Tuah semasa menyampaikan ceramah mengenai pengendalian stres di tempat kerja. - Foto : Azmah Haji Ahad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Disember. - Pemantauan awal terhadap stress, tekanan dan kemurungan di kalangan pegawai dan kakitangan perlu dikejali pasti dan dirujuk dengan pakar.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ketua Unit Kaunseling, Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Haji Sabtu bin Pengiran Haji Tuah semasa menyampaikan ceramah mengenai pengendalian stres di tempat kerja.

Beliau menjelaskan pemantauan awal terhadap stress, tekanan dan kemurungan mustahak dikenal pasti

dan rujukan awal akan dibuat kepada Unit Kaunseling di kementerian berkenaan dan pakar.

Selain ceramah teknik 'relaksasi' stres juga turut di demonstrasikan di akhir ceramah tersebut.

Seramai 20 orang peserta terdiri dari pegawai-pegawai dan kakitangan Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan telah menghadiri satu ceramah tersebut.

Ceramah tersebut merupakan salah satu aktiviti bulanan dan tahunan PPK yang bertujuan untuk me-

lakukan pemantauan awal tentang gejala-gejala awal tekanan, mengajar untuk mengenal gejala-gejala tekanan agar ia dapat dibendung terlebih awal dan membiasakan diri dengan Zikir Allah dan doa agar ia dapat dipraktikkan sebagai salah satu penawar dan ubat.

Ia juga membantu untuk mempersiapkan diri dari segi psikologi, mental dan fizikal kepada semua pegawai dan kakitangan untuk siaga dalam menghadapi pekerjaan dan tekanan di tempat kerja setiap hari.



SEBAHAGIAN dari pegawai dan kakitangan Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan semasa menghadiri taklimat 'Pengendalian Stres di Tempat Kerja'. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan tamat Kursus IC3

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Disember. - Seramai lapan orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri menamatkan Kursus Komputer IC3 selama 15 hari bermula pada 16 November lepas di Pusat SEAMEO VOCTECH, Gadong, di sini.

Kursus tersebut merupakan projek Jabatan Pene-



PARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang mengikuti Kursus Komputer IC3, semasa menjalani peperiksaan secara 'online' di Pusat SEAMEO VOCTECH, Gadong. - Foto : Dk. Nor'asrinawati Pg. Haji Kamaruddin

Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Ke-4

REPUBLIK FILIPINA. - Seramai 27 penuntut-penuntut dari institusi pengajian tinggi yang berumur antara 15 ke 18 tahun dari negara-negara Ahli Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) telah diuji pengetahuan mengenai ASEAN dalam Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Ke-4 yang berlangsung di Republik Filipina pada 3 Disember yang lalu.

Pertandingan dikendalikan oleh Rangkaian Penyiaran Kebangsaan (NBN) yang bertujuan untuk mendedahkan serta memberikan pengetahuan para peserta yang terdiri dari generasi muda mengenai pelbagai budaya, politik, ekonomi dan sosial negara-negara anggota

ASEAN. Para penuntut yang mewakili negara masing-masing adalah merupakan pemenang-pemenang pertandingan kuiz peringkat negara.

Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Awang Muhammad Haziq Sideq bin Asmad dan Awang Muhammad Adi Aiman bin Haji Rosli kedua-duanya dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong dan Dayang Farah Diyana binti Awang Haris dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Dalam Pertandingan Kuiz Peringkat Serantau, setiap negara menghantar tiga peserta yang mana mereka dikehendaki menjawab 60 soalan yang berkaitan dengan ASEAN. Pe-


Berita dan Foto :
Hajah Hamsah Datu Kerna Haji Jaya

menang di Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Ke-4 pada tahun ini disandang oleh negara tuan rumah iaitu Republik Filipina, diikuti oleh Myanmar di tempat kedua dan Thailand di tempat ketiga. Pemenang-pemenang menerima hadiah-hadiah berupa wang tunai dan plak.

Sementara itu, dalam pertandingan kuiz secara berkumpulan, Awang Muhammad Adi Aiman dari Negara Brunei Darussalam dan peserta dari Viet Nam dan Laos telah memenangi tempat kedua, manakala Awang Muhammad Haziq Sideq dari Negara Brunei Darus-

salam berserta dengan peserta dari Republik Indonesia dan Kemboja mendapat tempat ketiga. Mereka masing-masing menerima hadiah berupa wang tunai dan plak.

Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau merupakan Projek Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN yang telah bermula sejak tahun 2002 dan diadakan dua tahun sekali. Setakat ini Thailand, Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Republik Filipina telah menjadi tuan rumah bagi pertandingan ini.



AWANG Muhammad Adi Aiman bin Haji Rosli bersama dengan peserta-peserta yang lain semasa Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau merupakan Projek Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN.

pembelajaran.

Tenaga pengajar, Awang Suhaimi bin Simpon berharap para peserta akan terus menggunakan segala ilmu yang diperolehi dan mengongsikan kemahiran bersama rakan sepejabat.

Para peserta yang menyertai kursus menyatakan rasa berpuas hati dengan kursus yang diikuti.

Cabaran Bukit Shahbandar

Lebih 300 orang sertai Walkaton Amal

TUTONG, Ahad, 6 Disember. - Lebih 300 orang peserta dari berbagai peringkat usia menyertai Walkaton Amal bagi Tabung Amal Daerah Tutong dan Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Indonesia dan Ribut Filipina.

Walkaton dibahagikan kepada dua kategori iaitu lelaki berjalan sejauh 5 kilometer dan wanita

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

sejauh 4.3 kilometer bermula dari Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan.

Hadir sama menyertai walkaton tersebut, Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali.

Walkaton bermula dengan senamrobik sebagai



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Haji Idris sejurus sebelum memulakan Walkaton Amal bagi Tabung Amal Daerah Tutong dan Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Indonesia dan Ribut Filipina. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

Cawangan 'D' menjuarai kejohanan badminton polis

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) Cawangan 'D' muncul menjuarai Kejohanan Bulu Tangkis Antara Cawangan PPDB 2009 setelah menumpaskan Cawangan 'A' di perlawanan akhir yang berlangsung di Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong, di sini.

Cawangan 'D' berjaya menumpaskan Cawangan 'A' dalam empat kategori 'straight set' daripada tujuh kategori yang dipertandingkan.

Hadiyah kemenangan disampaikan oleh Timbalan Pengarah Lojistik, ACP Awang Haji Abd. Murad bin Haji Abd. Hadi.

Cawangan 'D' mengorak langkah bermula dalam Kategori Pegawai VVIP apabila pemain Cawangan 'A' tidak dapat hadir dalam



TIMBALAN Pengarah Lojistik, ACP Awang Haji Abd. Murad ketika menyampaikan trofi kepada wakil Cawangan 'A'. - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

DENGAN merubah rentak permainan terutama dalam melakukan 'drop shot' serta 'netting' pasangan Awang Md. Tahir dan Awang Nasrul bangkit di set seterusnya dengan mengutip mata demi mata yang kesudahannya memberi kemenangan kepada cawangan 'D' dengan kiraan set kedua 21 - 18 dan set ketiga 21 - 13.

perlawaan akhir yang secara langsung memberi kemenangan mutlak kepada pasukan tersebut.

Cawangan 'D' terus menguasai apabila pasangan Dayang Hajah Fatimah dan Dayang Hajah Rokiah berjaya menundukkan pasangan Dayang Asmah dan Dayang Harni yang mewakili cawangan 'A' dalam Kategori Bergu Wanita.

Cawangan 'A' kemudian cuba bangkit dalam bergu veteran apabila pasangan Join dan Awang Md. Yusani berjaya mengorak langkah pertama apabila memenangi set pertama dengan kiraan 21 - 10 kepada pasangan Awang Md. Tahir dan Awang Nasrul.

Dengan merubah rentak permainan terutama dalam melakukan 'drop shot' serta 'netting' pasangan Awang Md. Tahir dan Awang Nasrul bangkit di set seterusnya dengan mengutip mata demi mata yang kesudahannya memberi kemenangan kepada cawangan 'D' dengan kiraan set kedua 21 - 18 dan set ketiga 21 - 13.

Oleh : Siti Zuraiyah Awang Sulaiman

JERUDONG, Ahad, 6 Disember. - Jabatan Perhutanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan kerjasama Persatuan Kilang-Kilang Papan Negara Brunei Darussalam sekali lagi menganjurkan Cabaran Bukit Shahbandar Ke-6 bagi menggalakkan orang ramai suka beriadah, bersukan dan menjaga kesihatan, di samping menimbulkan kesedaran terhadap penjagaan hutan.

Sebanyak tujuh kategori dipertandingkan iaitu Kategori A (Lelaki Terbuka), Kategori A (Amatur), Kategori B (Lelaki berumur 36 - 49 tahun), Kategori C (Veteran Lelaki berumur 50 tahun ke atas), Kategori D (Terbuka Perempuan berumur 15 - 34 tahun), Kategori E (Veteran Perempuan 35 tahun ke atas) termasuk satu kategori baru khusus bagi kanak-kanak iaitu Kategori 'Fun Run' (Lelaki dan Perempuan 14 tahun ke bawah).

Seramai 350 peserta termasuk dari negara jiran serta warga asing yang tinggal di negara ini ikut serta pada cabaran yang diadakan di Taman Rekreasi Hutan Bukit Shahbandar itu yang didahului oleh acara pemanasan badan.

Turut menyertai larian kali ini ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Pelepasan para peserta bagi setiap kategori disempronakan oleh Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Haji Awang Hamdilah bin Haji Abdul Wahab.

Juara bagi Kategori A (Lelaki Terbuka) yang berlari sejauh 9.4 kilometer diraih oleh Awang Muhammad Nursyukriwan bin Abdullah Napir dengan catatan masa 1:04:09 saat.

Kategori A (Amatur) yang berlari sejauh 7.7 kilometer, dijuarai oleh Awang Abd. Malik bin Awang Hidup dengan catatan masa 50:41 saat, sementara Chieng Chien Lie dengan catatan masa 28:15 saat menjadi juara bagi Kategori B berlari sejauh 4.7 kilometer.

Awang Zakaria bin Haji Bakar pula berjaya meraih kemenangan dalam Kategori C dengan catatan masa 28:01 saat, sementara juara Kategori D dengan catatan masa 37:14 saat berjaya diraih oleh Sylvia Md. Arwan.

Kona Liau dengan masa 31:06 saat meraih juara bagi Kategori D dengan larian 4.7 kilometer. Peserta bagi Kategori C dan E berlari sejauh 3.2 kilometer.

Bagi Kategori F 'Fun Run' pula, juara disandang oleh

Cawangan 'A' PEKERTI juarai bulu tangkis dan bola jaring

Oleh : Siti Zuraiyah Awang Sulaiman
Foto : Abdul Kadir Md. Tahir

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 11 Disember. - Pasukan Cawangan 'A' Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) muncul juara Kejohanan Bulu Tangkis Antara Cawangan PEKERTI selepas menumpaskan Cawangan 'C' di perlawanan akhir bertempat di Dewan Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong, di sini.

Hadir menyaksikan perlawanan akhir dan menyampaikan hadiah-hadiah ialah isteri Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Datin Suriati binti Haji Morneh yang juga selaku Yang Dipertua PEKERTI.

Selain menjuarai Kejo-



YANG Dipertua Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI), Datin Suriati semasa menyampaikan piala dan hadiah kepada pemenang di Perlawanan Bulu Tangkis dan Penyampaian Hadiah-hadiah Perlawanan Bola Jaring dan Perlawanan Akhir Bulu Tangkis Antara Cawangan PEKERTI sempena penubuhan ke-24 tahun 2009.



PESERTA yang memperolehi tempat pertama kedua dan ketiga acara larian terbuka bagi lelaki. - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.

Awang Ahmad Yazid bin Awang Hidup yang berlari sejauh 2.2 kilometer dengan catatan masa 10:59 saat.

Hadiyah-hadiah disempurnakan oleh tetamu kehormat, Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Aktiviti yang diadakan setiap tahun bersemesta dengan Hari Perhutanan Sedunia ini antara lain bertujuan untuk terus mempromosikan kawasan tersebut sebagai salah satu tempat ekopelancongan paling popular di negara ini yang sesuai bagi pelbagai kegiatan riadah dan aktiviti sukan seperti jogging, berjalan lalu serta merentasi hutan khusus bagi semua peringkat umur.

Selain itu, aktiviti seumpama ini juga dapat mendekatkan lagi masyarakat dengan persekitaran hijau dan ekosistem semula jadi selain dapat mengeratkan usaha kerjasama di antara kedua-dua belah pihak iaitu kerajaan dan orang awam ke arah mencapai alam sekitar negara yang berdaya tahan.



YANG Dipertua PEKERTI, Datin Suriati semasa hadir di Kejohanan Bulu Tangkis Antara Cawangan PEKERTI.

hanan Bulu Tangkis, Cawangan 'A' juga menjuarai Kejohanan Bola Jaring Antara Cawangan PEKERTI. Naib juara ialah Cawangan 'B' dan tempat ketiga diraih oleh Cawangan 'D'.

Kejohanan Bola Jaring merupakan satu sukan tambahan di mana perlawanannya telah selesai diadakan pada 22 November lalu.

Kejohanan Bulu Tangkis dan Bola Jaring antara lain bertujuan bagi menghubungkan, mengelakkan dan mengeratkan hubungan tali silaturahim di antara ahli PEKERTI.

Di samping itu juga ia bertujuan untuk mengumpul pemain-pemain lama

dan baru di kalangan ahli-ahli tanpa mengira agama, bangsa, puak dan kedudukan selain untuk meluaskan pengetahuan am dan pengalaman anggota-anggotanya.

Perlawanan seumpama ini juga akan dapat meningkatkan gaya hidup yang sihat dari segi fizikal dan mental dan merupakan salah satu langkah untuk menghindar diri dari pelbagai gejala penyakit yang berisiko tinggi.

Perlawanan Bulu Tangkis Antara Cawangan PEKERTI dianjurkan oleh Badan Sukan PEKERTI dan merupakan projek tahunan sempena mengingati ulang tahun penubuhan PEKERTI ke-24.

Contoh kreativiti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Oleh : Hezlinawati
Haji Abd. Karim

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Disember. - Para sasterawan diseru agar terus berkarya, menghasilkan karya sastera yang bermutu, mencontohi kreativiti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan tokoh-tokoh Nusantara yang lain agar karya sastera itu akan terus mendapat tempat di hati masyarakat Nusantara.

Seruan dibuat oleh Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejai Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud ketika menutup rasmi Pertemuan Sasterawan Nusantara XV berlangsung di Balai Saranayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini.

Yang Berhormat berpendapat kesusastraan haruslah diberikan tempat yang sewajarnya dalam sistem pendidikan kini dan para sasterawan pula perlulah menyesuaikan diri dengan perkembangan moden pada masa ini.

Selain itu para sasterawan, tegas Yang Berhormat, perlulah mempunyai sikap dan pandangan yang positif, inovatif dan kreatif dengan mencipta karya-karya yang dapat menarik minat masyarakat untuk membaca dengan tidak mengabaikan arah dan hala tuju yang dibincangkan dalam pertemuan tersebut.

Dalam konteks negara ini, Yang Berhormat menjelaskan tokoh Muda Omar 'Ali Saifuddien merupakan contoh Sasterawan Diraja Nusantara yang perlu dicontohi.

Yang Berhormat berpen-



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejai Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad semasa menyampaikan sijil kepada pembentang kertas kerja, Dayang Faridah binti Abdul Hamid yang menjayakan Majlis Pertemuan Sasterawan Nusantara XV. - Foto : Azmah Haji Ahad

AL-MARHUM Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien adalah sasterawan yang berjiwa besar dalam mengangkat martabat dan fungsi karya sastera iaitu bukan sahaja sebagai hiburan, tetapi juga lebih penting sebagai media pendidikan, keagamaan, pentadbiran dan kemasyarakatan.

dapat Muda Omar 'Ali Saifuddien adalah sasterawan yang berjiwa besar dalam mengangkat martabat dan fungsi karya sastera iaitu bukan sahaja sebagai hiburan, tetapi juga lebih penting sebagai media pendidikan, keagamaan, pentadbiran dan kemasyarakatan. "Baginda adalah seorang raja yang kreatif dan terus-

hormat juga menyempurnakan penyampaian sijil-sijil penghargaan kepada para pembentang kertas kerja dan sijil-sijil penyeratan kepada para peserta pertemuan.

Pertemuan Sasterawan Nusantara XV anjuran Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama DBP itu bertemakan 'Mencarukkan Sastera Nusantara'.

Sepanjang tiga hari pertemuan diadakan sejak 11 Disember lalu, beberapa kertas kerja dibentangkan oleh para pembentang kertas kerja dari dalam dan luar negara.

Pertemuan seumpama ini antaranya bertujuan untuk mencarukkan sastera Nusantara sebagai landasan bagi mewujudkan keserasian dan jati diri bangsa dalam memperteguhkan bahasa, sastera dan budaya Nusantara.

Sepanjang pameran, beberapa aktiviti sampingan juga diadakan seperti peraduan mewarna bagi kanak-kanak di bawah umur 12 tahun, kuiz dan peraduan meneka benda.

Jabatan Penerangan

merupakan program yang dilaksanakan di bawah Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia di bidang Penerangan.

Juga hadir di majlis perasmian ini, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Yusoff Agaki dan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke negara ini, Encik Agus Salim Yusof selaku wakil Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam.

Dari muka 1

Pameran merupakan satu projek yang dipersejui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknik Bersama Bidang Penerangan kali ke-2 antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Malaysia yang bersidang 3 Ogos 2008, di Kuala Lumpur, Malaysia.

Bertemakan 'Kedewaan Bernegrave : Negara Maju-Rakyat Sejahtera,' pameran dibuka bagi kun-

Para Menteri Pengangkutan ASEAN capai penyelesaian positif



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Pengerusi Bersama.

HANOI, Viet Nam, Sabtu, 12 Disember. - Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN Ke-15 (ATM Ke-15) berakhir dengan satu penyelesaian yang positif dan menggalakkan.

Mesyuarat tersebut dipergolkakan oleh Menteri Pengangkutan, Viet Nam, Tuan Yang Terutama Ho Nghia Dzung, manakala Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Pengerusi Bersama.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Perhubungan.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Perhubungan.

Para menteri memberi pujian kepada pegawai-pegawai kanan pengangkutan di atas usaha-usaha mereka ke arah memuktamadkan (finalizing) Perjanjian Berbagai Hala ASEAN Mengenai Liberalisasi Penuh Penumpang Perkhidmatan Udara (MAFLPAS) dan protokolnya dan seterusnya akan mengembangkan skop Perjanjian Berbagai Hala ASEAN Mengenai Perkhidmatan Udara bagi merangkumi bandar-bandar ASEAN lain.

Para menteri menyokong prinsip teks perjanjian dan ia berkaitan dengan protokol yang berkemungkinan akan ditandatangani tidak lama lagi pada 2010.

Dalam sektor maritim, para Menteri ASEAN turut menyaksikan penandatanganan Memorandum Persefahaman Kerjasama Berkaitan Dengan Mangsa (Casualty) Laut dan Siasatan Keselamatan Kemalangan Laut oleh pihak-pihak berkuala maritim negara-negara anggota ASEAN masing-masing pada 11 Disember 2009 yang merangka satu rangka kerja bagi memperkuatkan kerjasama dan saling bantu-membantu antara negara-negara anggota ASEAN dalam siasatan ke-

selamatan laut.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Alaihuddin.

Mengenai hal-hal pengangkutan darat, para menteri menekankan kepentingan bagi menangani isu-isu penting tentang keselamatan jalan raya yang dialami oleh kebanyakannya negara-negara anggota ASEAN dan menyanjurkan penubuhan Kumpulan Kerja Khas Keselamatan Jalan Raya Berbagai Sektor ASEAN yang akan memperkuatkan lagi keupayaan institusi dalam negara-negara anggota ASEAN bagi mengatasi isu-isu keselamatan jalan raya dengan lebih berkesan dengan mengembangkan aktiviti-aktiviti, sistem-sistem dan mekanisme-mekanisme penyelaras yang bersesuaian, termasuk melatih kemahiran-kemahiran dan teknik-teknik profesional yang utama sepanjang rantaun.

Mengenai kemudahan pengangkutan rentas sempadan, para menteri juga memberi pujian kepada pegawai-pegawai kanan pengangkutan di atas usaha-usaha mereka ke arah memuktamadkan (finalizing) Perjanjian Berbagai Hala ASEAN Mengenai Liberalisasi Penuh Penumpang Perkhidmatan Udara (MAFLPAS) dan protokolnya dan seterusnya akan mengembangkan skop Perjanjian Berbagai Hala ASEAN Mengenai Perkhidmatan Udara bagi merangkumi bandar-bandar ASEAN lain.

Para menteri menyokong prinsip teks perjanjian dan ia berkaitan dengan protokol yang berkemungkinan akan ditandatangani tidak lama lagi pada 2010.

Dalam sektor maritim, para Menteri ASEAN turut menyaksikan penandatanganan Memorandum Persefahaman Kerjasama Berkaitan Dengan Mangsa (Casualty) Laut dan Siasatan Keselamatan Kemalangan Laut oleh pihak-pihak berkuala maritim negara-negara anggota ASEAN masing-masing pada 11 Disember 2009 yang merangka satu rangka kerja bagi memperkuatkan kerjasama dan saling bantu-membantu antara negara-negara anggota ASEAN dalam siasatan ke-

PARA menteri menyokong prinsip teks perjanjian dan ia berkaitan dengan protokol yang berkemungkinan akan ditandatangani tidak lama lagi pada 2010.

Masyarakat Ekonomi ASEAN dalam 2015 serta kepentingan dalam mengejar program-program pengangkutan yang mapan untuk meningkatkan kecekapan tenaga dan mengurangkan penggunaan dan pengeluaran dalam sektor pengangkutan.

Menteri-menteri Pengangkutan juga mengadakan mesyuarat bersama dengan rakan dialog China, Jepun dan Republik Korea (ROK) pada 11 Disember 2009.

Pada Mesyuarat ATM-China Ke-8, para menteri memperakui pembangunan kerjasama pengangkutan ASEAN-China melalui pelaksanaan Rancangan Strategik Kerjasama Pengangkutan ASEAN dan China dan Perjanjian Pengangkutan Maritim ASEAN-China. Para menteri juga berharap untuk kesimpulan MOU pada Mekanisme Konsultasi Maritim ASEAN-China dan Perjanjian Pengangkutan Udara ASEAN-China.

Pada Mesyuarat ATM Jepun Ke-7, para menteri memaklumi kemajuan kerjasama ASEAN-Jepun melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Manila termasuk aktiviti-aktiviti mengenai peningkatan persekitaran dalam sektor pengangkutan dan perangkaan-pengangkutan.

Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN mengadakan mesyuarat pertama dengan ROK, di mana para menteri bersetuju mengenai rangka kerjasama antara pihak-pihak berkuala pengangkutan ASEAN dan Menteri Hal Ehwal Tanah, Pengangkutan dan Maritim ROK.

Di bawah rangka kerja ini, kedua-dua pihak akan bekerjasama dalam bidang pengangkutan darat, udara, maritim dan kemudahan pengangkutan melalui pelaksanaan projek-projek dan aktiviti-aktiviti bersama.

سلامت میمبوت تاہون بارو هجره ۱۴۳۱
SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU 1431 HIJRIAH

دربیتکن اوله جاتن فراغن، جاتن فردان منtri دان چیتیق اوله جاتن فرچیتئن کراجأن، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.